

Kesan Sejarah Dan Tempat-Tempat Menarik

Wilayah Persekutuan

Mohamed Roselan Abdul Malek



Oscar Book International

Gambar-gambar foto di muka-muka surat 2 - 4 adalah dengan ihsan Jabatan Penerangan Malaysia, 67, 78, 83, 85, 87, dengan ihsan Perpustakaan Negara Malaysia.

© Oscar Book International
Cetakan Pertama 1998

OSCAR BOOK INTERNATIONAL
37 A, JALAN 20/16,
PARAMOUNT GARDEN,
46300 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohamed Roselan Abd. Malek

Wilayah Persekutuan / Mohamed Roselan Abd. Malek.

(Siri kesan sejarah dan tempat-tempat menarik)

ISBN 967-941-337-3 (set)

ISBN 967-941-351-9

1. Wilayah Persekutuan--History. 2. Wilayah Persekutuan--Description and travel. I. Judul II. Siri

959.5116

Dicetak Oleh:

Percetakan Soonly Trading

No: 10, Jalan BS 7/10,

Kawasan Perindustrian Bukit Serdang,

43300 Seri Kembangan,

Selangor Darul Ehsan.

APB94944

29 AUG 1998

NASKHAT PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Ruj. Tuan
PNM 176 Jld 1

Ruj. Kami:
Tarikh: 24 OKTOBER 1996

Kata-Kata Aluan



Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada **Oscar Book International** kerana diberi peluang untuk memberi sepatah dua kata di dalam buku **Siri Kesan Sejarah dan Tempat-Tempat Menarik** di Malaysia.

Pembangunan minda dan peningkatan ilmu penting untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang madani. Perpustakaan Negara Malaysia merupakan satu saluran penting untuk menyampaikan seberapa banyak ilmu untuk membimbing dan meningkatkan daya fikir masyarakat Malaysia. Khazanah ilmu adalah pusaka bangsa lambang kemegahan negara. Perkhidmatan perpustakaan yang berkesan, pembangunan koleksi yang terkini dengan kelengkapan perpustakaan yang serba moden, menjadi tarikan pengguna dan boleh dimanfaatkan oleh semua lapisan rakyat Malaysia. Pencapaian Perpustakaan Negara Malaysia akan dijadikan atas prasarana teknologi maklumat menjelang abad ke 21.

Saya berharap dengan tercatatnya maklumat mengenai Perpustakaan Negara Malaysia dalam buku ini, rakyat Malaysia akan dapat memahami tentang usaha dan peranan Perpustakaan Negara Malaysia dalam pembangunan negara menuju Wawasan 2020 seterusnya menghayati ilmu sebagai satu budaya harian.

Sekian, terima kasih.

DATIN MARIAM ABDUL KADIR

Ketua Pengarah

Perpustakaan Negara Malaysia

Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

	<i>Muka Surat</i>
Peta	1
Bendera	2
Dataran Merdeka	3
Dataran Labuan	4
Sejarah Ringkas Kuala Lumpur	5
Bangunan Sultan Abdul Samad ✓	10
Dataran Merdeka✓	13
Stadium Merdeka	16
Stadium Negara	18
Bangunan Parlimen	19
Istana Negara	22
Tugu Peringatan Negara	24
Masjid Negara	26
Stesen Kereta Api Kuala Lumpur	28
Taman Tasik Perdana	30
Pusat Islam Malaysia	31
Muzium Negara ✓	33
Planetarium Negara	35
Taman Rama-Rama	37
Arkib Negara	38
Memorial Tun Abdul Razak	40
Taman Burung	42
Balai Seni Lukis Negara	44

	<i>Muka Surat</i>
Pasar Budaya	46
Bangunan Angkasapuri	48
Victoria Institution	50
Dewan Bahasa Dan Pustaka	52
Muzium Angkatan Tentera	55
Tugu Peringatan Polis	57
Masjid Jamek	59
Sejarah Ringkas Labuan	60
Tugu Peringatan Perang, Labuan	63
Taman Damai Labuan	65
Perpustakaan Negara Malaysia	67

PETA Wilayah Persekutuan Bumi Bertuah



Bendera
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Bendera
Wilayah Persekutuan Labuan



Dataran Merdeka



Dataran Labuan



SEJARAH RINGKAS KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur ialah ibu negara Malaysia. Kuala Lumpur menjadi pusat pentadbiran negara bagi semua kementerian, jabatan kerajaan dan juga institusi penting negara. Luas kawasan Kuala Lumpur ialah 243.65 kilometer persegi.

Sejarah Kuala Lumpur tidak dapat lari daripada sejarah negeri Selangor. Ini adalah kerana pada masa dahulu Kuala Lumpur adalah sebahagian daripada negeri Selangor.

Berdasarkan catatan sejarah, Kuala Lumpur mula diduduki orang pada awal abad ke-19 Masihi. Kawasan itu dikenali sebagai kawasan bijih timah yang bermutu tinggi.

Penduduk awal Kuala Lumpur dan daerah yang berdekatan dengannya adalah terdiri daripada orang Melayu. Kebanyakan daripada mereka berasal dari Sumatera. Pada asalnya, mereka datang sebagai pedagang dan pelombong.

Orang yang mula-mula membuka Kuala Lumpur ialah Raja Abdullah bin Raja Jaafar. Nama-nama lain yang dikaitkan dengan kegiatan melombong bijih timah pada masa Raja Abdullah ialah Raja Jumaat, abang kepada Raja Abdullah. Selain itu ialah Sutan Puasa.

Menurut catatan sejarah, Raja Jumaat adalah salah seorang yang amat berpengaruh dan beliau sangat dipercayai oleh Sultan Muhammad yang memerintah Selangor (1826-1857).

Pada tahun 1848, Raja Jumaat menjadi pemerintah Lukut yang kuat dan kaya. Baginda melaburkan wangnya di Klang

dan Kanching, Selangor. Raja Abdullah pernah dilantik menjadi pemerintah daerah Klang.

Raja Abdullah telah membawa seramai 87 orang Cina dari Lukut untuk mudik ke Sungai Klang lalu mendarat di suatu tempat iaitu di pertemuan Sungai Klang dengan Sungai Gombak.

Rombongan Raja Abdullah itu adalah yang pertama datang ke situ. Tempat pendaratan itu dinamakan Kuala Lumpur. Mereka membuka perusahaan melombong bijih timah di Ampang. Oleh kerana diserang penyakit, 70 orang daripada orang-orang Cina yang dibawa oleh Raja Abdullah itu telah mati.

Untuk meneruskan perusahaannya itu, Raja Jumaat telah menghantar 150 orang Cina bagi membantu adiknya menjayakan usaha melombong itu. Akhirnya, mereka dapat mengeksport bijih timah dari Ampang.

Dengan terbukanya kawasan bijih timah di sekitar Ampang, bertambah banyaklah orang Melayu datang ke kawasan itu. Salah seorang yang dianggap ketua orang Melayu yang datang dari Sumatera ialah Sutan Puasa.

Sutan Puasa ialah ahli perniagaan. Beliau berkawan rapat dengan Hiu Siew dan Ah Sze Keledek. Dengan persetujuan orang-orang Cina dan Melayu, Hiu Siew telah dilantik menjadi Kapitan Cina yang pertama bagi Kuala Lumpur.

Hiu Siew meninggal dunia pada tahun 1861 dan Liu Ngim Kong pula menjadi Kapitan Cina yang kedua bagi Kuala Lumpur. Kapitan Liu Ngim Kong adalah sahabat baik Yap Ah Loy. Mereka berkenalan sejak di Sungai Ujong lagi. Sebagai rakan baik, Kapitan Liu Ngim Kong telah mengajak Yap Ah Loy datang ke Kuala Lumpur.

Kedatangan orang-orang Cina ke Kuala Lumpur semakin bertambah apabila berlaku huru-hara di Larut, Perak. Orang Cina yang datang dari Larut itu tetap dengan cara hidup mereka iaitu menu buahkan kongsi-kongsi gelap.

Dua buah kongsi gelap yang terkenal ialah Ghee Hin dan Hai San. Orang Cina di Kuala Lumpur masuk kumpulan Hai

San, manakala orang Cina di Kanching masuk kumpulan Ghee Hin.

Pada tahun 1866, suatu pergaduhan telah berlaku antara orang Melayu Sumatera dengan orang Bugis. Pergaduhan itu menyebabkan berlakunya perperangan saudara antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah.

Raja Mahadi adalah orang yang berhak menjadi pemerintah Klang, tetapi sultan telah memecat Raja Mahadi lalu melantik Raja Abdullah memerintah Klang.

Yap Ah Loy dilantik menjadi Kapitan Cina yang ketiga setelah kematian Kapitan Liu Ngim Kong. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal, kedudukan Yap Ah Loy tergugat kerana ada pihak yang berusaha menjatuhkannya daripada jawatan kapitan itu.

Orang yang bertanggungjawab itu adalah bekas ketua Yap Ah Loy semasa di Lukut iaitu Chong Chong. Chong Chong telah datang ke Kanching dan dapat membunuh Ah Sze, kawan rapat Yap Ah Loy.

Bagaimanapun dengan pertolongan orang-orang Melayu, Yap Ah Loy berjaya menuntut bela atas kematian rakannya itu pada Februari 1870. Beberapa bulan selepas peristiwa itu, orang Cina dari Negeri Sembilan pula menyerang Kuala Lumpur.

Mereka datang bersama-sama Syed Manshor iaitu penyokong kuat kepada Raja Mahadi. Yap Ah Loy menang dalam perperangan itu.

Semasa berlaku pergolakan di Selangor, Yap Ah Loy menyokong Tengku Kudin yang mendapat pertolongan daripada Inggeris. Dalam suatu serangan yang dilakukan oleh Raja Mahadi, beliau hampir berjaya menawan Kuala Lumpur.

Bagaimanapun dengan pertolongan Bendahara Wan Ahmad dari Pahang dan orang Inggeris pada Jun 1873, Tengku Kudin berjaya mengalahkan angkatan Raja Mahadi.

Selepas perperangan saudara itu, kuasa Inggeris di Selangor bertambah kuat. Pada Disember 1873, seorang pegawai Inggeris

iaitu J.G. Davidson telah dilantik menjadi residen Inggeris bagi negeri Selangor.

Setelah kekuasaan Inggeris bertambah kuat, ibu negeri Selangor telah berpindah dari Klang ke Kuala Lumpur pada tahun 1880. Kemudian ibu pejabat negeri Selangor yang terletak di bandar Klang dipindahkan ke Kuala Lumpur secara berperingkat-peringkat.

Kedatangan Inggeris untuk mentadbir Kuala Lumpur sebagai ibu negeri Selangor merupakan zaman permulaan bagi pemerintahan moden bagi Kuala Lumpur. Pada tahun 1883, didirikan rumah sakit umum dan juga rumah orang-orang miskin. Pada tahun 1887, sebanyak 519 buah rumah batu dibina.

Paip air dari kolam air Ampang mula digunakan pada tahun 1896. Tenaga elektrik pula mula digunakan pada tahun 1906. Perkhidmatan pos bermula pada tahun 1879 dan perhubungan jalan raya, kereta api dan telefon mula ditingkatkan.

Sesuai dengan kedudukannya di tengah-tengah empat negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan Perak. Pada tahun 1896, Kuala Lumpur dijadikan ibu pejabat Ketua Residen bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Apabila berlakunya Perang Dunia Kedua pada 8 Disember 1941, Jepun mula menduduki Kuala Lumpur. Selepas perperangan tamat, Kuala Lumpur diserahkan kepada Inggeris semula.

Pentadbiran bandar ini pada mulanya di bawah kuasa sementara pentadbir tentera British dan kemudiannya diambil alih oleh pihak pentadbiran awam.

Lembaga Bandaran Kuala Lumpur ditubuhkan, ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua pentadbiran telah dilantik daripada orang kenamaan di bandar ini.

Perbandaran Kuala Lumpur dibentuk pada 15 Mac 1948. Kawasan Kuala Lumpur dibahagikan kepada empat kawasan iaitu Sentul, Bangsar, Petaling dan Imbi.

Sebagai ibu negeri dan juga pusat pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Kuala Lumpur telah maju dalam semua bidang.

Sejak Persekutuan Tanah Melayu menjadi negara yang merdeka pada 31 Ogos 1957, Kuala Lumpur menjadi ibu negara, kemudian pada 16 September ditubuhkan Malaysia.

Pada 1 Februari 1972, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung telah menganugerahkan taraf bandar raya kepada Kuala Lumpur. Dua tahun kemudian, pada 1 Februari 1974, Wilayah Persekutuan ditubuhkan.



BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD

Kuala Lumpur memang terkenal dengan bangunan lama yang bersejarah dan menarik. Antara bangunan itu ialah Bangunan Sultan Abdul Samad, yang terletak di segi tiga Jalan Raja, Jalan Belanda dan Lebuh Pasar Besar.

Bangunan ini disifatkan sebagai mercu tanda bandar raya Kuala Lumpur. Bangunan ini telah banyak merakamkan peristiwa bersejarah tanah air. Antaranya ialah sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan pada setiap 31 Ogos.

Reka bentuk bangunan yang bercirikan keislaman ini telah direka oleh A.C. Norman, seorang arkitek berbangsa Inggeris. Bangunan Sultan Abdul Samad ini dibina pada tahun 1894 di atas tapak seluas 10,200 meter persegi.

Tujuan asal bangunan ini adalah untuk menempatkan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang terdiri daripada Jabatan Perbendaharaan Negara, Jabatan Perbendaharaan Negeri Selangor, Pejabat Am, Pejabat Perakaunan dan Pejabat Pendaftar Perkahwinan.

Bangunan ini telah dibuka dengan rasmi oleh Tan Sri Dato' Mubin Shepperd pada 6 Oktober 1897. Matlamat pembinaannya adalah untuk memberikan imej baru kepada Kuala Lumpur. Imej itu mestilah menonjolkan Islam sebagai agama rasmi penduduk Tanah Melayu.

Oleh itu, bangunan ini mempunyai tiga kubah yang diperbuat daripada tembaga dan empat buah kubah kecil yang berwarna putih.

Salah satu daripada tiga buah kubah itu terdapat menara jam setinggi 43.5 meter. Jam besar di Bangunan Sultan Abdul Samad telah berdetik sejak tahun 1897. Jam itu merupakan jam yang paling tua dan penuh bersejarah di negara ini.

Jam tua yang menggunakan sistem takal dan berat serta berbunyi setiap jam ini direka oleh seorang arkitek dari Britain, A.C. Norman pada tahun 1879 bersamaan dengan pembinaan Bangunan Sultan Abdul Samad.

Pada masa dahulu, jam besar ini merupakan tempat tumpuan orang ramai menentukan masa. Tepat pukul 12 tengah malam, 31 Ogos 1957, jam ini telah berbunyi sebanyak dua belas kali yang menandakan negara telah mencapai kemerdekaan dan sekaligus bendera Union Jack diturunkan.

Pada Tahun Baru 1982, jam besar ini menjadi tempat penentu waktu apabila waktu antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Singapura diseragamkan.

Disebabkan jam besar ini perlu dikunci setiap hari, dua orang kakitangan Jabatan Ukur dan Pemetaan ditugaskan khas memutar dan memastikan jam besar ini berjalan dengan betul.

Pada setiap menara kecil itu pula, dibina tangga-tangga yang berbentuk pusingan. Bahagian luar dinding bangunan ini dibuat daripada batu-bata. Permukaan dindingnya tidak dicat seperti mana yang terdapat di bahagian dalamnya.

Batu-bata ini pula diselang-selikan dengan jaluran simen yang dibuat secara melintang. Ini membuatkan corak itu lebih unik dan kehalusan seni binanya lebih terserlah.

Bahagian tangganya juga sungguh unik. Hampir semua tangga dibina dalam bentuk pusingan dan kebanyakannya dibina dalam menara kecil di setiap penjuru bangunan.

Dalam usianya yang sudah menjangkau 100 tahun, bangunan ini masih kelihatan megah. Kecantikan Bangunan Sultan Abdul Samad masih belum dapat ditandingi oleh bangunan-bangunan moden di sekelilingnya.

Kini, bangunan bersejarah itu telah diserahkan kepada Jabatan Kehakiman semenjak tahun 1972, sempena penubuhan Wilayah Persekutuan. Pengubahsuaianya daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor kepada Mahkamah Tinggi telah dilakukan pada tahun 1978.



DATARAN MERDEKA

Dataran Merdeka merupakan tempat yang bersejarah kerana di sinilah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah diisytiharkan oleh Tunku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Dataran Merdeka terletak di antara Jalan Hishamuddin dan Jalan Raja, iaitu berhadapan dengan Bangunan Sultan Abdul Samad.

Sebelum Dataran Merdeka mendapat namanya, tempat ini dikenali sebagai Padang Kelab Selangor. Dataran Merdeka atau Padang Kelab Selangor merupakan kelab sukan yang paling tua di negara ini.

Dataran Merdeka telah dibuka pada tahun 1884 oleh dua orang arkitek Inggeris iaitu A.L. Norman dan C.E. Spooner.

Ketika itu, Dataran Merdeka adalah sebuah kelab rekreasi untuk golongan atasan dan orang-orang Inggeris pada zaman penjajahan. Kelab yang terkenal itu bermula di sebuah rumah atap.

Kini bangunan di situ telah berubah wajah. Bangunan itu mempunyai bentuk binaan Tudor yang dicat hitam putih. Kadang-kadang bangunan itu dikenali sebagai ‘*Spotted Dog*’.

Sekitar tahun 1988, Dataran Merdeka telah diubahsuai daripada bentuk asalnya. Tujuannya adalah untuk mencantikkan lagi bandar raya Kuala Lumpur sempena persidangan CHOGM pada tahun 1989 dan Tahun Melawat Malaysia 1990.

Selain daripada digunakan sebagai tempat menyambut ulang tahun kemerdekaan, di Dataran Merdeka juga pernah berlangsungnya Pesta Malaysia (Malaysia Fest), Kuala Lumpur 100 tahun, Larian 2000, Pelancaran Tahun Melawat Malaysia 1990 dan lain-lain peristiwa penting.

Di Dataran Merdeka terdapat sebuah tiang bendera yang telah diiktirafkan sebagai tiang bendera yang paling tinggi di dunia. Ketinggian tiang bendera itu ialah 100 meter.

Tiang bendera yang diperbuat daripada besi yang tahan karat ini dibina pada bulan April dan siap sepenuhnya pada bulan Julai 1989.

Selain itu, tiang bendera bercat putih ini dapat mengeluarkan cahaya pada waktu malam dan juga dapat menahan pukulan angin ribut walaupun melebihi kelajuan 80 kilometer sejam.

Kerja-kerja pembinaan tiang bendera itu dilakukan oleh KM Engineering. Di hujung tiang, terkibar bendera Malaysia sebesar 10.62 meter lebar dan 21.34 meter panjang.

Bendera yang diperbuat daripada kain nilon ini terpaksa ditukar setiap dua minggu. Ini adalah untuk mengelakkan bendera ini koyak akibat terdedah kepada pukulan angin, cahaya matahari dan hujan.

Kerja-kerja menukar bendera ini dilakukan oleh kakitangan Syarikat Vestage Corporation Sdn. Bhd., Encik Victor Vignasan. Mereka terpaksa menggunakan ‘*Bosum Chair*’ (kerusi tarik) setiap kali bendera itu hendak diganti.

Di situ juga terdapat sebuah pentas terbuka, skrin televisyen besar, taman bunga dan air terjun. Manakala bahagian bawah

Dataran Merdeka pula terdapat tempat letak kereta, kedai-kedai yang menjual pelbagai jenis barang serta gerai makanan dan minuman. Bangunan bawah tanah ini telah dibuka dengan rasminya pada 31 Ogos, 1990.



STADIUM MERDEKA

Stadium Merdeka terletak di antara Jalan Stadium dan Jalan Maharajalela, Kuala Lumpur. Tempat ini juga terletak berhampiran dengan Stadium Negara, Changkat Pavilion dan Stadium Chinwoo.

Stadium Merdeka telah siap dibina keseluruhannya pada awal tahun 1957 dengan perbelanjaan sebanyak RM 2.5 juta. Stadium Merdeka dapat memuatkan kira-kira 50,000 orang.

Stadium Merdeka mendapat namanya daripada suatu peristiwa yang bersejarah. Pada 31 Ogos 1957, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama mengisytiharkan kemerdekaan Tanah Melayu di stadium ini.


Tujuan asal Stadium Merdeka dibina adalah untuk dijadikan sebagai tempat menyambut ulang tahun kemerdekaan negara kita pada setiap tahun.

Setelah negara mencapai kemerdekaan, Stadium Merdeka dijadikan sebagai gelanggang untuk berbagai jenis sukan.

Antara acara-acara sukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang pernah diadakan di situ ialah olahraga, bola sepak, hoki, ragbi dan lain-lain.

Antara pertandingan itu ialah Pesta Bola Merdeka, Bola Sepak Piala Malaysia, Kejohanan Olahraga MSSM, Sukan SEA dan lain-lain.

Selain daripada itu, Stadium Merdeka juga pernah digunakan sebagai tempat perhimpunan untuk menyambut sesuatu perayaan, pertunjukan dan lain-lain lagi.



STADIUM NEGARA

Stadium Negara dikelilingi oleh Jalan Stadium dan Jalan Hang Jebat. Stadium ini terletak berhampiran dengan Stadium Merdeka dan Stadium Chinwoo.

Stadium Negara adalah sebuah stadium tertutup. Stadium '*indoor*' ini dibina pada tahun 1962. Bumbungnya berbentuk seperti mangkuk. Stadium ini berbentuk bulat dan boleh menampung kira-kira 10,000 orang penonton.

Stadium ini dibina untuk memajukan lagi sukan di negara kita. Pelbagai jenis sukan seperti badminton, bola tampar, bola keranjang, sepak takraw dan ping-pong telah diadakan di stadium ini.

Selain daripada acara sukan, Stadium Negara juga sering digunakan untuk menganjurkan konsert dan pameran. Selain itu, Stadium Negara juga mudah diubah menjadi dewan pameran, tapak ekspo, persembahan kebudayaan, pertunjukan pentas dan sebagainya.



BANGUNAN PARLIMEN

Bangunan Parlimen adalah lambang sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia. Bangunan ini dibina pada tahun 1960 dan dibuka dengan rasminya pada 2 November 1963.

Bangunan ini terbahagi kepada dua bahagian. Bangunan yang setinggi tiga tingkat disebut sebagai bangunan ibu, manakala bangunan yang setinggi 18 tingkat disebut sebagai bangunan menara.

Di bangunan ini terdapat Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Di sinilah tempat bermesyuarat para menteri, senator dan ahli-ahli parlimen. Manakala bangunan menara pula mengandungi pejabat-pejabat menteri dan bilik rehat.

Upacara perasmianya telah dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertua Agung yang ketiga, Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail.

Parlimen Malaysia adalah badan Perundangan negara kita. Ia dibentuk pada tahun 1959. Sistem Parlimen terdiri daripada dua dewan yang diamalkan oleh negara kita iaitu terdiri daripada institusi Yang Dipertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Pemimpin-pemimpin yang menduduki Parlimen dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya. Bangunan Parlimen terdiri daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Tugas kedua-dua dewan ini adalah membuat dan menyusun undang-undang negara.

Sidang Parlimen ialah suatu masa di antara suatu pilihan raya umum dengan pilihan raya umum berikutnya yang mana tempohnya adalah selama lima tahun.

Tempoh itu dikira dari tarikh mesyuarat pertama Parlimen dengan yang diadakan selepas sesuatu pilihan raya umum. Parlimen hanya boleh bersidang apabila dibuka dengan rasminya oleh Yang Dipertua Agong.

Baginda mempunyai kuasa untuk memanggil Parlimen bersidang ataupun membubarkan Parlimen. Setiap undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen perlu mendapat persetujuan baginda untuk dikuatkuasakan.

Dewan Negara ialah majlis mesyuarat yang terdiri daripada ahli yang dipilih oleh setiap Dewan Negeri dan ahli yang dilantik oleh Yang Dipertuan Agong. Tempoh perkhidmatan ahli Dewan Negara ialah selama tiga tahun.

Dewan Negara mempunyai seorang Yang Dipertua dan seorang timbalan. Kedua-duanya dipilih daripada ahli-ahli dewan itu sendiri. Dewan Negara juga mempunyai seorang pegawai yang dipanggil Setiausaha Dewan Negara.

Dewan Rakyat pula ialah majlis mesyuarat yang terdiri daripada ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya umum peringkat persekutuan. Setiap ahli Dewan Rakyat mewakili satu kawasan Parlimen tertentu.

Mengikut sistem pilihan raya negara kita, ahli Dewan Rakyat dipilih setiap lima tahun sekali. Setiap warganegara yang memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan

raya Malaysia boleh bertanding bagi mana-mana kerusi Parlimen yang ada di negara kita.

Seperti juga Dewan Negara, Dewan Rakyat mempunyai seorang Yang Dipertua Dewan dan seorang timbalan. Yang Dipertua dipilih daripada ahli Dewan Rakyat atau orang yang layak menjadi ahli Dewan Rakyat sekiranya orang yang dipilih itu bukan daripada kalangan ahli Dewan Rakyat.



ISTANA NEGARA

Istana Negara ialah tempat kediaman rasmi bagi DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Istana Negara terletak di sebuah kawasan kira-kira 11.3 hektar di Jalan Syed Putera. Bangunan ini dibina pada tahun 1928 oleh seorang jutawan Cina untuk kediamannya sendiri.

Terdapat beberapa ruang khas di istana ini. Antaranya ialah dua buah dewan khas di tingkat pertama iaitu Dewan Balairung Seri Dewan Mengadap di mana DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong bertemu dengan tetamu khas baginda seperti sultan-sultan, ketua-ketua negara, duta-duta besar, menteri-menteri dan lain-lain pemimpin negara.

Di Balairung Seri Utama pula diadakan majlis jamuan dan lain-lain acara. Antaranya ialah istiadat menganugerahkan bintang-bintang dan pingat-pingat kebesaran kepada

orang-orang yang telah berjasa kepada negara oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

Di samping itu, sebuah bilik persidangan turut ditempatkan di suatu bahagian khas sebagai tempat persidangan raja-raja.



TUGU PERINGATAN NEGARA

Tugu Peringatan Negara terletak berhampiran dengan bangunan Parlimen. Tugu ini dibina untuk memperingati perjuangan wira-wira negara yang gugur semasa mempertahankan negara ini daripada ancaman musuh, terutamanya yang terkorban sewaktu darurat selama 12 tahun (1948-1960) di negara ini.

Tugu ini merupakan tugu gunung batu marmar hitam yang paling besar di negara ini. Tugu ini mula dibina pada tahun 1966. Tugu gunung batu marmar hitam ini dibuat oleh seorang tukang patung terkenal dari Amerika Syarikat, Felik De Weldon di Itali dan dihantar khas ke negara ini sebaik-baik sahaja patung ini disiapkan.

Bentuk tugu ini menunjukkan kegagahan tujuh orang askar sebagai perwira negara. Setiap satunya empat kali lebih besar daripada manusia biasa. Seorang askar memegang bendera yang bermaksud lambang kepimpinan, perpaduan serta kekuatan.


Dua orang askar yang memegang senjata adalah lambang sifat waspada dan keberanian. Dua orang askar yang gugur dan seorang lagi memangku rakannya yang cedera adalah melambangkan pengorbanan tentera Malaysia sebagai pahlawan dan perwira negara.

Kawasan Tugu Negara dibina kepada lima bahagian iaitu Tugu Peringatan Negara, kolam dengan pancuran air, sebuah balai berbentuk bulan sabit, batu peringatan dan taman bunga.

Patung perwira ini diletakkan di atas suatu asas yang bujur. Asas ini disaluti dengan batu pejal bergilap berwarna seperti zamrud dari Sweden.

Di atas tembok asas ini terukir lambang Malaysia dengan warna rasminya. Di kiri kanan lambang itu ada tulisan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Tulisan itu berbunyi, "Memperingati perwira-perwira yang berjuang untuk menegakkan keamanan dan kebebasan. Moga-moga Allah cucurkan rahmat ke atas mereka".

Tugu ini dibina dengan wang kerajaan dan derma-derma daripada rakyat yang terdiri daripada semua lapisan masyarakat.



MASJID NEGARA

Masjid Negara terletak di Jalan Sultan, berhampiran dengan stesen kereta api. Masjid Negara merupakan salah sebuah masjid yang paling moden di Asia Tenggara. Luas masjid ini ialah kira-kira 5.5 hektar.

Masjid Negara dibina pada tahun 1963 dan dibuka secara rasminya pada tahun 1965 oleh Seri Paduka Baginda Tunku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail.

Masjid ini menjadi lambang agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia. Pencipta reka bentuk masjid ini ialah Datuk Baharuddin Abu Kassim.

Pembinaan Masjid Negara ini merupakan suatu karya seni keagamaan yang ulung dan melambangkan semangat perpaduan. Seni bina bangunannya pula memperlihatkan dengan jelas unsur-unsur kebudayaan dan cita-cita kebangsaan rakyat Malaysia.

Kawasan Masjid Negara ini adalah seluas 5.3 hektar. Bangunan masjid ini meliputi kawasan seluas 2,090 meter

persegi dan mengandungi dewan jemaah, perpustakaan, pejabat, menara, bilik diraja dan bilik imam.

Menara Masjid Negara adalah setinggi 73 meter dan mempunyai 245 anak tangga. Ruang masjid ini dapat menampung lebih 3,000 orang jemaah di dalamnya. Menara masjid ini berbentuk sekaki payung yang kuncup.

Manakala bumbungnya atau kubahnya berbentuk seperti payung yang kembang. Bumbung atau kubah itu mempunyai 18 bucu, 13 bucu mewakili 13 buah negeri dan lima bucu lagi melambangkan rukun Islam.

Di masjid ini terdapat sebuah makam pahlawan. Makam ini adalah untuk tujuh orang pahlawan negara. Pada masa ini antara negarawan negara yang disemadikan di sini ialah Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr. Ismail.

Masjid Negara telah diperbaharui pada tahun 1990. Warna ubin bumbung masjid ini telah ditukar kepada ton hijau dan biru. Ini menjadikan bangunan ini lebih menarik.



STESEN KERETA API KUALA LUMPUR

Kereta api merupakan kaedah pengangkutan yang paling selamat dan murah di Malaysia. Banyak barang besar seperti simen, kayu balak, petrol dan bahan galian dibawa dengan kereta api.

Stesen Kereta api Kuala Lumpur adalah sebuah stesen kereta api yang tertua di Semenanjung Malaysia. Stesen Kereta api Kuala Lumpur terletak di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur, berhampiran dengan Masjid Negara. Bangunan ini sangat cantik dan menarik.

Pembinaan awalnya adalah pada tahun 1892. Stesen yang ada sekarang mula dibuka pada tahun 1909. Bangunan ini dibina pada hujung abad ke-19, menggantikan bangunan lama di tapak yang sama.

Bangunan ini mempunyai beberapa buah kubah, gerbang dan tiang yang menunjukkan pengaruh seni bina orang Mur. Bangunan ini dari Jabatan Kerja Raya India pada zaman penjajahan Inggeris.

Stesen Kereta api Kuala Lumpur ini menghubungkan beberapa buah bandar besar sehingga ke Bangkok di utara dan Singapura di selatan.

Sistem kereta api di pantai barat menganjur sejauh 782 kilometer dari Padang Besar ke Singapura. Manakala jalan kereta api di pantai timur adalah sejauh 526 kilometer dari Gemas ke Tumpat.



TAMAN TASIK PERDANA

Taman Tasik Perdana terletak berhampiran dengan Muzium Negara. Taman ini meliputi kawasan seluas kira-kira 65 hektar.

Taman ini mula diwujudkan pada tahun 1888 oleh seorang berbangsa Inggeris bernama A.R. Venning. Tujuannya adalah untuk menyediakan tempat rekreasi kepada para penduduk Kuala Lumpur. Taman ini mempunyai sebuah tasik yang diberi nama Tasik Perdana.

Di sini, penduduk Kuala Lumpur boleh menyewa bot untuk menikmati keindahan tasik ini. Selain itu, pelbagai kegiatan dianjurkan sepanjang tahun. Antaranya ialah pertunjukan pentas.



PUSAT ISLAM MALAYSIA

Kompleks Pusat Islam terletak di Jalan Perdana di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur, berhampiran Masjid Negara, Stesen Kereta api Tanah Melayu dan Balai Seni Lukis Negara.

Untuk mengembangkan gerakan dakwah Islamiah di negara ini, pada awalnya sebuah bangunan Pusat Islam yang pertama telah dibina di Jalan Lembah, Kuala Lumpur pada tahun 1974. Bangunan ini mempunyai dua blok. Satu blok asrama dan satu blok lagi bangunan pejabat dan bilik kuliah.

Walau bagaimanapun, kompleks baru yang lebih moden dibina pada tahun 1982 dan siap pada tahun 1985. Kompleks itu dibina di atas tanah seluas 2.43 hektar dan berharga RM 52 juta.

Kompleks itu mengandungi satu blok menara setinggi 11 tingkat yang digunakan sebagai ibu pejabat dan pentadbiran. Selain itu, di balai pameran kompleks tersebut pula sering diadakan pelbagai pameran yang berunsurkan Islam seperti

Pameran Mata Wang Islam, Pameran Sejarah, Musabaqah dar Pameran Kesihatan Ibu dan Anak.

Di pusat ini juga terdapat sebuah perpustakaan awam dan sebuah auditorium yang serba lengkap berserta studio rakaman yang boleh menampung kira-kira 15,000 jemputan. Kompleks Pusat Islam ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 16 September 1985.

Seni bina kompleks ini memperlihatkan keindahan seni bina Islam. Orang yang bertanggungjawab mereka cipta bentuk kompleks ini ialah Dato' Nik Mohamed Mahmood.

Kompleks ini direka bentuk seperti sebuah istana yang dikelilingi oleh dinding-dinding batu dengan dua pintu besar. Di ruang halaman terbuka kompleks ini boleh memuatkan seramai 6,000 orang tetamu.



MUZIUM NEGARA

Muzium Negara terletak berhampiran dengan Taman Tasik Perdana. Ia merupakan muzium yang ulung di Malaysia. Muzium Negara memainkan peranan yang penting dari segi sejarah, kebudayaan dan ekonomi negara ini.

Muzium Negara telah menjadi pusat menyimpan kekayaan warisan kebudayaan negara dan memberi pengetahuan kepada generasi akan datang.

Bangunan ini dibuka dengan rasminya pada bulan Ogos 1963 oleh Yang Dipertuan Agong yang ketiga, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Putra. Orang yang mencadangkan pembinaan muzium ini ialah Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Tapak bangunan Muzium Negara ini adalah bekas Muzium Selangor yang telah musnah akibat letusan bom semasa Perang Dunia Kedua dahulu.


Reka bentuk bangunan Muzium Negara mempunyai ciri-ciri reka bentuk rumah Melayu. Bangunan ini panjangnya kira-kira

110 meter dan tingginya 35 meter. Bangunan ini terdiri daripada tiga tingkat. Di tingkat bawah terdapat pejabat, perpustakaan, studio lukisan dan bilik-bilik makmal.

Di tingkat dua dan tiga pula mengandungi dua balai pameran. Antara pameran di situ ialah pameran kebudayaan Malaysia, bahan prasejarah, seni pertukangan tangan, senjata-senjata, mata wang, pingat-pingat dan cara hidup orang asli di Semenanjung Malaysia.

Selain itu, terdapat juga pameran Ilmu Kejadian yang menunjukkan burung-burung dan mamalia dalam suasana semula jadi. Terdapat juga pameran kegiatan ekonomi Malaysia seperti perlombongan bijih timah, perusahaan getah dan perhutanan.

Selain itu, Muzium Negara juga sering mengadakan pameran khas. Di kawasan luar Muzium Negara terdapat barang-barang lama seperti kepala kereta api, istana lama dan lain-lain lagi.



PLANETARIUM NEGARA

Planetarium Negara terletak di tengah-tengah kehijauan Taman Tasik Perdana. Planetarium Negara telah dibuka dengan rasminya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 7 Februari 1994.

Reka bentuk Planetarium Negara adalah unik, iaitu menggabungkan seni bina Islam dan moden. Planetarium Negara pada asasnya adalah pusat pendidikan yang berteraskan kepada sains angkasa. Ia diuruskan oleh Bahagian Kajian Sains Angkasa, Jabatan Perdana Menteri.

Matlamatnya adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang sains angkasa di kalangan semua lapisan masyarakat negara ini.

Planetarium Negara juga berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang sains angkasa lepas yang menjunjung aspirasi negara dalam mewujudkan sebuah masyarakat sains dan teknologi yang berkemampuan untuk menghadapi cabaran kurun ke-21.

Planetarium Negara juga bertindak sebagai penyebar maklumat melalui pameran kekal dan pameran bergerak, pusat sumber, tayangan filem dan multi media, majlis penerangan, ceramah dan kursus.


Untuk mengekalkan persaingannya, usaha-usaha penyelidikan dan pengembangan mengenai kemajuan dan teknologi sains angkasa terkini akan diberi keutamaan.

Di Planetarium Negara juga terdapat tayangan-tayangan filem di panggung utama yang boleh memuatkan kira-kira 200 penonton pada satu-satu masa. Panggung ini terletak di bawah skrin kubah berukuran 20 meter garis pusat. Skrin tayangan dibuat daripada kepingan aluminium yang penuh dengan lubang-lubang kecil.

Dua jenis pertunjukan diadakan iaitu pertunjukan sains angkasa dengan menggunakan projektor bintang dan multimedia, manakala pertunjukan filem angkasa pula dipersembahkan melalui projektor filem format besar.

Kemudahan lain yang disediakan ialah balai cerap yang dilengkapi dengan teleskop 35 cm dan aksesori yang berkeupayaan tinggi memerhati dan mengkaji cakerawala.

Di samping itu, terdapat juga galeri pemandangan dan binokular, replika balai cerap purba, teater berkubah, jam matahari, pusat sumber dan kawasan istirehat para angkasa.



TAMAN RAMA-RAMA

Taman Rama-rama Kuala Lumpur diwujudkan pada Februari 1992 dengan keluasan taman seluas 0.4 hektar. Taman ini terletak di tengah-tengah kawasan Taman Tasik Perdana, di pusat bandar raya Kuala Lumpur.

Taman Rama-rama ini merupakan yang terbesar di dunia dengan hampir 6,000 ekor kupu-kupu yang berterbangan bebas dalam kawasan yang berorientasikan keindahan hutan hujan tropika.

Di sini juga terdapat empat buah bilik pameran yang mempamerkan unsur-unsur pendidikan tentang kupu-kupu dan serangga secara am serta bilik audio visual.

Pameran yang bertemakan pendidikan ini adalah sesuatu yang amat berharga kerana banyak ilmu tentang rama-rama dapat diperolehi.



ARKIB NEGARA

Bangunan Arkib Negara terletak di Jalan Duta berhampiran Kompleks Pejabat Kerajaan. Arkib Negara ditubuhkan pada bulan Julai 1957.

Pada asalnya, Arkib Negara dikenali sebagai Pejabat Rekod Awam. Nama itu ditukarkan kepada Arkib Negara Malaysia pada bulan November 1963.

Arkib Negara telah dirasmikan pada 1 Disember 1982. Bangunan yang tersergam indah ini terletak di atas bukit dan dikelilingi oleh pohon-pohon yang menghijau.

Arkib Negara menyimpan, memelihara dan merakamkan pelbagai peristiwa dalam sejarah negara. Segala bahan itu dipelihara supaya nilai-nilai sejarah yang menjadi warisan negara dapat dikekalkan untuk kegunaan generasi akan datang.

Selain itu, Arkib Negara juga menyediakan perkhidmatan penyelidikan kepada sesiapa yang inginkan maklumat berkenaan dengan sejarah negara. Rekod dan dokumen sama ada dalam bentuk cetakan, filem, rakaman audio dan visual,

gambar bercetak atau slaid disimpan untuk kegunaan para penyelidik.

Arkib Negara turut menyediakan ruang tertentu seperti dewan penyelidikan, bilik bacaan, bilik audio dan khidmat membuat salinan dokumen sama ada secara bertaip, fotostat, mikrofilem, slaid dan gambar foto.

Selain sebagai tempat rujukan, turut diadakan ialah bilik pameran iaitu pameran tetap dan pameran khas. Pameran tetap boleh dilihat di bilik Arkib Warisan Eksklusif yang mempamerkan bahan-bahan sejarah daripada Zaman Kesultanan Melaka sehingga ke penubuhan Malaysia.

Sudut Wira pula mempamerkan bahan-bahan tentang Perdana Menteri yang pertama hingga sekarang. Pameran khas diadakan berdasarkan sesuatu tema pada tempoh masa yang tertentu.



MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK

Memorial Tun Abdul Razak sebenarnya ialah rumah kediaman bekas Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak. Memorial ini telah diubahsuai dari bangunan asalnya iaitu Rumah Sri Taman.

Bangunan itu dijadikan memorial adalah untuk memperingati jasa dan sumbangan Allahyarham Tun Abdul Razak, bekas Perdana Menteri Malaysia yang kedua terhadap bangsa dan negara.

Selain itu, tujuannya juga adalah untuk memelihara dan mengekalkan, di samping mempamerkan kepada umum bahan-bahan kepunyaan beliau atau yang mempunyai kaitan dengan Allahyarham Tun Abdul Razak.

Memorial ini telah dibuka secara rasminya pada tahun 1982. Kedudukannya yang strategik menyebabkannya menjadi tumpuan para pelawat.

Bangunan ini terletak berhampiran dengan Muzium Negara, Tasik Perdana, Tugu Peringatan, Bangunan Parlimen, Taman Orkid, Taman Burung dan Taman Rama-rama.

Pada masa ini, bangunan itu mempunyai 16 ruang pameran, iaitu sembilan di tingkat bawah dan tujuh di tingkat atas. Ruangan di tingkat bawah meliputi biografi, hadiah dan cenderamata, kegiatan politik, kegiatan pembangunan, kegiatan sosial, pelajaran, personaliti dan pertahanan.

Manakala di tingkat atas pula terdapat ruangan bilik belajar, bilik tidur utama, hal ehwal luar negara, hobi, kembali ke rahmatullah, kegiatan Toh Puan Rahah (isteri beliau) dan Yayasan Tun Abdul Razak.

Di samping bahan pameran, turut diadakan adalah tayangan khas '*multi-image*', bertajuk 'Bapa Pembangunan'. Tayangan filem lawatan Tun Abdul Razak ke luar negara, Bangsa-bangsa Bersatu dan tayangan video tentang kegiatan Tun Abdul Razak dalam bidang politik dan pembangunan ekonomi turut disiarkan.

Ketika melawat memorial itu, pelawat berpeluang mendengar muzik latar lagu-lagu kegemaran Allahyarham Tun Abdul Razak dan juga lagu-lagu yang digubah khas oleh beliau. Di bilik belajar pula, pelawat dapat mendengar petikan ucapan yang pernah disampaikan oleh beliau.

Di samping bangunan utama, di sebelah kanannya terdapat rumah pemandu dan stor kereta. Begitu juga dengan bangunan papan yang menempatkan pasukan polis yang bertugas di Sri Taman serta surau. Manakala di sebelah kiri pula ialah bangunan tempat tinggal pekerja-pekerja Sri Taman.

Di pekarangan bangunan ini pula terdapat halaman yang luas dan ditanami dengan pokok-pokok seperti pokok ru dan buah-buahan. Kebanyakantanaman yang ditanam di Sri Taman ini ditanam sendiri oleh beliau.

Beliau juga gemar menternak ayam dan itik. Oleh itu, di sebelah kiri bangunan di bahagian bawah bukit terdapat reban ayam peliharaan Allahyarham Tun Abdul Razak.

Jasa-jasa Allahyarham Tun Abdul Razak memang banyak. Antaranya ialah pada tahun 1956, beliau telah melahirkan "Penyata Razak" untuk membantu dalam melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan.



TAMAN BURUNG

Taman Burung Kuala Lumpur yang terletak di dalam kawasan lembah yang subur menghijau seluas 3.2 hektar di Taman Tasik Perdana, merupakan Taman Burung yang terbesar di negara ini.

Ilham untuk mewujudkan taman burung ini datangnya daripada bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar.

Para pencinta burung akan berpeluang memerhati lebih 135 spesies burung yang berjumlah hampir 5,000 ekor dibiarkan terbang bebas di dalam kawasan yang ditutupi jaring setinggi 18 meter.

Keadaan semula jadi kawasan hutan kecil berbukit itu dibiarkan dalam keadaan asli. Taman Burung ini diusahakan oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dan menelan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM 7 juta dan dibuka kepada orang ramai pada Jun 1990.

Sebahagian besar burung-burung yang terdapat di taman ini adalah daripada spesies tempatan sementara selebihnya diperolehi dari luar negara seperti burung kakaktua dan flamingo.

Di dalam Taman Burung ini terdapat lorong pejalan kaki sepanjang satu kilometer yang bertujuan untuk memudahkan pelawat melihat, menyelidik dan mendengar siulan burung yang berbagai bunyi. Pelawat dapat melihat secara dekat pelbagai jenis burung yang berterbangan.



BALAI SENI LUKIS NEGARA

Balai Seni Lukis Negara terletak di Jalan Sultan Hishammuddin. Balai Seni Lukis Negara atau dikenali juga dengan nama 'National Art Gallery' adalah tempat pameran lukisan hasil karya pelukis-pelukis tanah air dan luar negeri.

Antara pelukis-pelukis yang pernah mengadakan pameran di situ ialah Ibrahim Hussein, Khalid Ibrahim, Abdul Latif, Yeoh Jin Leng, Robert Rausenberg (Amerika Syarikat) dan lain-lain lagi.

Di tempat ini jugalah semua hasil lukisan karya pelukis tempatan dikumpul dan disimpan untuk tatapan generasi akan datang.

Balai Seni Lukis Negara juga terletak berdekatan dengan tempat-tempat menarik seperti Muzium Negara, Pusat Islam dan Stesen Kereta api.

Pada asalnya, bangunan Balai Seni Lukis Negara adalah sebuah hotel lama yang dikenali sebagai Hotel Majestic. Bangunan lima tingkat ini dibina pada tahun 1930. Ketika itu,

Hotel Majestic adalah sebuah bangunan besar dan pemandangan sekitarnya sangat menarik.

Kini Balai Seni Lukis Negara menghimpun pelbagai karya seni lukis, seni arca daripada pelukis-pelukis terbaik di negara ini.

Balai Seni Lukis Negara mempunyai banyak ruang dan bilik bagi menampung jumlah para pengunjung.

Selain daripada bilik atau ruang pameran, balai ini mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti sudut seni, perpustakaan, pusat dokumentasi, studio, bengkel, dewan tayangan, restoran dan sebagainya.

Semenjak Balai Seni Lukis Negara mengambil alih hotel itu pada tahun 1984, tidak banyak perubahan yang dilakukan.

Ini adalah kerana pihak Balai Seni Lukis Negara mahu mengekalkan rupa bentuk asalnya sebagai bangunan lama yang bersejarah.



PASAR BUDAYA

Pasar Budaya adalah sebuah pusat pelancongan yang menjual pelbagai barang seperti pakaian, kosmetik, perhiasan, cenderamata, jam, kraf tangan dan lukisan. Di samping itu terdapat juga gerai-gerai yang menjual makanan dan minuman untuk para pengunjung menjamu selera.

Pasar Budaya terletak di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur, iaitu berhampiran dengan bangunan Dayabumi, Stesen Kereta api dan Perhentian Bas Klang.

Pada mulanya, Pasar Budaya adalah sebuah gedung, tetapi kerana reka bentuk luarnya yang menarik dan usaha membaik pulih serta mengubahsuai bahagian dalam bangunan itu menjadikan tempat ini sebuah pasar yang unik.

Sebelum diberi nama Pasar Budaya, tempat ini dikenali dengan nama Pasar Seni. Walau bagaimanapun, di kalangan para pelancong, Pasar Budaya lebih dikenali dengan nama 'Central Market'.

Pada asalnya, bangunan Pasar Budaya adalah sebuah pasar lama iaitu Pasar Besar Kuala Lumpur yang menjual pelbagai jenis ikan, daging, ayam, sayur-sayuran serta buah-buahan.

Ketika itu, jalan raya di sekitar pasar Kuala Lumpur tersebut penuh sesak dengan kenderaan yang membawa pelbagai muatan. Malah pasar itu juga sentiasa berbau hanyir dan busuk.

Pada tahun 1953, Pasar Besar Kuala Lumpur pernah mendapat anugerah cemerlang kerana reka bentuknya.

Akan tetapi, apabila Kuala Lumpur dipisahkan dari Selangor Darul Ehsan, banyak perkembangan telah berlaku terutamanya dari segi infrastruktur. Ini termasuklah usaha mengubahsuai bangunan ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pihak yang ingin mengekalkan kesenian budaya yang terdapat pada pasar besar.

Pada pertengahan tahun 1980-an, Pasar Besar Kuala Lumpur telah ditutup dan diubahsuai dengan perbelanjaan sebanyak lapan juta ringgit.

Tujuan pasar tersebut dijadikan pusat pelancongan adalah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di sekitar kawasan tersebut. Selain itu, Pasar Budaya turut mengindahkan lagi bandar raya Kuala Lumpur.

Menjelang awal tahun 1990-an, Pasar Budaya sekali lagi diubahsuai sempena menyambut Tahun Melawat Malaysia. Kini, Pasar Budaya menjadi tumpuan para pengunjung dari dalam dan luar negeri.

Setiap hujung minggu, Pasar Budaya akan menyediakan pelbagai persembahan kebudayaan di pentas budayanya yang terletak di bahagian luar bangunan itu.



BANGUNAN ANGKASAPURI

Bangunan Angkasapuri terletak di Bukit Putera, kira-kira 8 kilometer dari bandar raya Kuala Lumpur. Dari bangunan inilah siaran radio dan televisyen (RTM) dipancarkan.

Radio Televisyen Malaysia adalah sebuah organisasi media massa milik kerajaan. Sejarah penubuhannya bermula dengan tertubuhnya Jabatan Penyiaran pada bulan April 1946 yang ditadbir dari Singapura.

Ketika itu, RTM dikenali dengan nama Radio Malaya. Kemudiannya, pada bulan Februari 1952, Jabatan Penyiaran yang baru untuk Tanah Melayu telah memulakan siarannya dari Kuala Lumpur. Pada tahun yang sama, siaran radio ke Sabah bermula dan selepas itu pula siaran radio ke Sarawak pada tahun 1954.

Radio Malaysia memulakan rancangan pendidikan pada bulan Mei 1966. Perkhidmatan televisyen dilancarkan pada 28 Disember 1963. Pada masa itu, studio sementara televisyen terletak di Dewan Tunku Abdul Rahman Kuala Lumpur.

Pada peringkat awal, khidmat RTM banyak kekurangannya berbanding dengan sekarang.

Sejak ditubuhkan, RTM telah memainkan peranan penting kepada negara. RTM adalah alat sebaran am yang paling berkesan untuk menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat. RTM juga berperanan memupuk perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Radio Malaysia mempunyai siaran dalam dan luar negeri, seperti siaran 'Suara Malaysia' yang disampaikan dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Arab, Mandarin, Thai dan lain-lain. Siaran 'Suara Malaysia' telah dilancarkan pada tahun 1963.

Selain Rangkaian Kebangsaan yang dipancarkan dari ibu pejabat, Radio Malaysia juga memberi perkhidmatan siaran kawasan tempatan melalui stesen kawasan. Sementara siaran televisyen pula hanya untuk perkhidmatan dalam negeri.



VICTORIA INSTITUTION

Victoria Institution atau lebih dikenali sebagai V.I adalah sebuah sekolah yang terkemuka di negara ini. V.I adalah antara sekolah yang terawal dibuka oleh pemerintah Inggeris di Tanah Melayu.

Pada peringkat awal, sekolah ini dikhaskan untuk anak pegawai-pegawai Inggeris dan pembesar-pembesar Melayu sahaja tetapi kini terbuka untuk semua golongan dan bangsa.

Bangunan asal sekolah ini terletak di Jalan Bandar, iaitu Balai Polis Jalan Bandar sekarang. Disebabkan oleh masalah banjir, sekolah itu telah dipindahkan pada tahun 1929 ke Jalan Shaw (sekarang dikenali sebagai Jalan Hang Tuah) di atas Bukit Petaling, berhampiran Stadium Merdeka.

Sekolah ini mula dibina pada 14 Ogos 1893. Puan W.H. Thatcher telah meletakkan batu asasnya. Sekolah ini dinamakan Victoria Institution sempena nama Ratu England (Queen Victoria) ketika itu.

Pada tahun 1942, Jepun menyerang Tanah Melayu. Sekolah itu turut menjadi mangsa di mana Jepun memperkenalkan pendidikan Jepun. Apabila Jepun kalah dalam Perang Dunia Kedua, mutu pelajarannya kembali cemerlang.

Sekolah ini mempunyai padang yang luas dengan keupayaan untuk menjalankan dua pertandingan bola sepak dan satu pertandingan hoki serentak di atas padangnya yang sama.

Banyak orang kenamaan dan pemimpin negara belajar di sekolah ini. Antaranya ialah Sultan Hasanul Bolkiah, Raja dan pemerintah Brunei, Datuk Zaman Khan, Dato Paduka Rafidah Aziz, Misbun Sidek serta adik-adiknya dan lain-lain lagi.



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Semua negara di dunia mempunyai bahasa kebangsaan masing-masing. Begitu juga dengan negara kita yang mempunyai bahasa kebangsaannya sendiri, iaitu Bahasa Melayu.

Di negara kita, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) adalah badan yang bertanggungjawab membina dan mengembangkan bahasa Melayu dan sastera di negara kita.

Dewan Bahasa dan Pustaka yang ditubuhkan di Bukit Timbalan, Johor Bharu pada 22 Jun 1956 ini adalah sebuah badan berkanun yang terletak di bawah Kementerian Pendidikan.

Setelah setahun, Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Dewan Bahasa dan Pustaka telah dipindahkan ke Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka ini bertempat di sebuah bangunan usang di Jalan Cenderawasih. Bangunan ini mula digunakan pada 31 Januari 1962.

Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka yang setinggi enam tingkat itu selain daripada mempunyai ruang pentadbiran,

terdapat juga sebuah perpustakaan Balai Seminar, Balai Budaya dan Sudut Penulis.

Semenjak ditubuhkan, Dewan Bahasa dan Pustaka telah memainkan peranan yang cukup besar bagi menjayakan hasrat kerajaan untuk mendaulat dan mengembangkan penggunaan bahasa Melayu.

Selain menerbitkan pelbagai jenis buku dan majalah dalam bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka juga menyediakan perkhidmatan telefon, talian penting bagi membantu orang ramai yang menghadapi masalah dalam penggunaan bahasa Melayu.

Sebenarnya, perjuangan meletakkan bahasa Melayu ke tahap yang ada sekarang sebenarnya adalah suatu perjuangan yang sudah terlalu lama.

Sejak dahulu, pejuang-pejuang kemerdekaan termasuk ahli bahasa telah melakukan pelbagai usaha untuk mendaulatkan bahasa Melayu kerana negara ini pernah dijajah oleh orang Inggeris.

Bahasa Inggeris lebih diutamakan dalam banyak hal. Kemudian, apabila draf Perlembagaan Persekutuan (Tanah Melayu) dibuat, barulah bahasa Melayu diangkat dan diiktirafkan sebagai bahasa kebangsaan negara ini.

Pengiktirafan terhadap bahasa Melayu jelas terkandung dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan.

Apabila bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, pelbagai usaha dijalankan untuk mengembangkan penggunaan bahasa Melayu. Antara usaha yang telah dilakukan ialah mengadakan 'Minggu Bahasa', 'Bulan Bahasa' dan sebagainya.

Usaha yang jelas maksud dan matlamatnya ialah pengubahan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Dasar Pelajaran Kebangsaan dikuatkuasakan pada tahun 1970. Mulai tahun itu, semua sekolah rendah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Kerajaan yakin melalui penggunaan satu bahasa, rakyat berbilang kaum di negara ini dapat hidup dalam suasana harmoni dan bersatu padu. Ini seterusnya akan melahirkan suasana muhibah dan saling menghormati antara mereka. Ini juga akan menghilangkan perasaan salah faham dan syak wasangka serta mewujudkan masyarakat yang bersatu padu.

Pada masa ini, organisasi Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai pelbagai bahagian. Antaranya ialah Bahagian Buku Pelajaran, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera dan Bahagian Penerbitan Am, Jabatan Bahasa, Bahagian Majalah dan Bahagian Terjemahan. Setiap bahagian pula ada cawangan-cawangan yang khusus.

Selain menerbitkan buku-buku pelajaran dan buku-buku lainnya, Dewan Bahasa dan Pustaka juga menerbitkan pelbagai majalah seperti Dewan Masyarakat, Dewan Bahasa, Dewan Pelajar, Dewan Siswa, Pelita Bahasa dan Dewan Sastera.

Dewan Bahasa dan Pustaka juga mempunyai cawangannya di Sabah dan Sarawak.



MUZIUM ANGKATAN TENTERA

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah banyak berkorban untuk bangsa, agama dan juga negara. Sebagai memperingati jasa mereka dan supaya koleksi sejarah angkatan tentera tidak hilang begitu sahaja, akhirnya tertubuhlah Muzium Angkatan Tentera.

Muzium ini terletak di Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur. Muzium ini telah dirasmikan pembukaannya oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Mohamad Ghazali Dato' Mohamad Seth (Panglima Angkatan Tentera pada ketika itu) pada 25 Oktober 1985.

Tujuan muzium ini ditubuhkan adalah sebagai tempat menyimpan pelbagai koleksi sejarah yang berharga, berkaitan dengan ketenteraan sejak sebelum Perang Dunia Kedua hingga ke sekarang.

Bangunan muzium ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Sebuah berek lama, 'The Wade Wing' yang menjadi tempat tentera tinggal pada suatu masa dahulu telah diubahsuai dan dijadikan bangunan pertama muzium.

Pada tahun 1976, Muzium Angkatan Tentera telah dipindahkan ke Maktab Tentera Diraja, Sungai Besi. Pada tahun 1981, bangunan ini dipindahkan sekali lagi ke sebuah rumah di Kementah sehingga pada tahun 1985. Kemudian muzium ini dipindahkan dan kekal di tempat sekarang.

Bangunan muzium ini terletak di belakang bangunan Kementah. Muzium Angkatan tentera dibahagikan kepada lima galeri iaitu Kempen Perang Dunia Kedua di Malaya, Zaman Darurat, Panglima-panglima, Dewan Pahlawan dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Kelima-lima galeri itu tidak terletak di dalam sebuah bangunan. Sebaliknya galeri ini diletakkan di dalam lima buah 'berek' yang berasingan.

Galeri Kempen Perang Dunia Kedua mempamerkan sejarah dan gambar Skuad Percubaan 25 orang yang terpilih sebagai askar Melayu yang pertama. Di sini juga terdapat sebuah berek pada zaman 1930-an.

Galeri Kempen Perang Dunia Kedua juga mengingatkan kita tentang sejarah dan perjuangan Leftenan Muda Adnan yang terkorban kerana mempertahankan negara.

Zaman Darurat pula mempamerkan pelbagai gambar, lukisan peristiwa-peristiwa penting, laporan akhbar, peta, dokumen dan diari peribadi yang ada kaitan dengan Zaman Darurat.

Galeri Panglima-panglima pula dikhaskan kepada bekas panglima-panglima angkatan tentera kerana mengenang sumbangan dan perkhidmatan mereka kepada negara.

Jasa tentera tidak terhad kepada mempertahankan negara sahaja, tetapi juga sebagai anggota pengaman di bawah bendera Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Galeri Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mempamerkan operasi pengaman di Kongo Afrika, Timur Tengah dan Indo China.

TUGU PERINGATAN POLIS

Tugu Peringatan Polis Diraja Malaysia terletak di Pusat Latihan Depoh, Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Tugu ini merupakan tugu peringatan yang dibina untuk memperingati para anggota polis yang terkorban sewaktu menjalankan tugas menjaga keamanan negara. Tugu ini merupakan tugu yang pertama didirikan di negara ini.

Tugu ini telah dirasmikan oleh DYMM Seri Paduka Yang Dipertuan Agong pada 1 Mac 1959. Tugu ini dibina dengan tujuan memperingati 1,345 orang anggota polis yang terkorban dalam usaha menentang pengganas komunis dan juga mengenang jasa anggota-anggota pasukan pengawal keselamatan dalam negeri yang terkorban semasa menjalankan tugas.

Pembinaan tugu ini menelan belanja sebanyak RM 160,000 yang diperolehi hasil daripada derma setiap anggota polis, kakitangan perkhidmatan polis di samping bantuan kerajaan.

Tugu yang berukuran 25.9 meter tinggi ini dilekatkan lencana

Pasukan Polis Diraja Persekutuan pada bahagian atasnya. Sekeping gangsa yang memuatkan gambar enam bangsa di bahagian bawah, sementara di sebelah kanan tertulis perkataan 'Mereka yang terkorban kerana negara'.

Selain untuk memperingati anggota-anggota yang terkorban, tugu ini juga bertujuan untuk memberi semangat kepada setiap anggota rekrut yang berkursus di Depoh tentang pengorbanan anggota lama dalam pasukan polis.



MASJID JAMEK

Masjid Jamek terletak di pertemuan Sungai Klang dan Sungai Gombak. Di sini merupakan tapak di mana penghuni-penghuni awal mendarat di Selangor dan kemudiannya berjalan kaki ke kawasan perlombongan bijih timah di Ampang.

Masjid ini merupakan salah sebuah masjid yang cantik di negara ini. Masjid ini merupakan masjid yang tertua di bandar raya Kuala Lumpur.

Masjid ini dibina pada tahun 1909 di bawah penyeliaan A.B. Hubcock. Masjid Jamek dikelilingi pokok-pokok kelapa dan mempunyai dua menara yang utama dan banyak lagi menara yang lebih kecil.

Masjid Jamek juga mempunyai tiga kubah yang besar. Masjid ini berbentuk seperti masjid-masjid di India Utara.

Pada tahun 1984, beberapa tambahan dibuat untuk memperbesarkan ruang bagi para jemaah dan untuk menjadikannya bangunan bersejarah yang menarik perhatian pelancong.

SEJARAH RINGKAS LABUAN

Pulau Labuan terletak di sebelah barat laut Borneo, lapan kilometer dari persisiran pantai negeri Sabah dan 123 kilometer dari Kota Kinabalu, ibu negeri Sabah. Pulau Labuan meliputi kawasan seluas 92 kilometer persegi.

Pulau ini diduduki oleh Kompeni Inggeris Hindia Timur pada tahun 1775, iaitu setelah mereka dihalau oleh orang Sulu dari Belambangan.

Sejarah Pulau Labuan tidak dapat lari daripada sejarah Brunei, Sabah dan Sarawak kerana sebelum ini Pulau Labuan adalah sebahagian daripada negeri Sabah.

Menurut catatan sejarah, Sultan Omar Ali Saifuddin menjadi Sultan Brunei dan adiknya, Raja Muda Hashim menjadi Raja Muda Sarawak yang pada masa itu di bawah takluk Brunei diperintah oleh Pangeran Mahkota.

Walau bagaimanapun, Pangeran Mahkota telah memberontak untuk melepaskan Sarawak daripada Brunei.

Oleh itu, Sultan Brunei telah menghantar Raja Muda Hashim ke Sarawak, tetapi tidak berjaya mengamankan pemberontakan itu.

Dalam keadaan yang sentiasa bergolak itu, pada 15 Ogos 1839, sebuah kapal Inggeris yang diketuai oleh James Brooke datang ke Sarawak. Pangeran Muda Hashim menerima dengan baik kedatangan James Brooke itu.

Pangeran Muda Hashim telah meminta James Brooke menolongnya menghentikan pemberontakan dan berjanji akan melantik James Brooke menjadi Raja Sarawak nanti.

Pada tahun 1841, James Brooke berjaya mengamankan huru-hara di Sarawak. Dengan itu beliau dilantik menjadi Raja Sarawak yang pertama. Sejak itu, hubungan James Brooke dengan Sultan Brunei bertambah erat.

Kemudiannya untuk menghapuskan orang-orang besarnya yang menderhaka, Sultan Brunei telah meminta bantuan daripada James Brooke. Sebagai hadiahnya, pada tahun 1884, baginda menyerahkan Pulau Labuan kepada Kompeni Inggeris. Tetapi pemberian itu tidak diterima oleh Inggeris.

Walau bagaimanapun, setelah James Brooke kukuh sebagai Raja Sarawak, pihak kerajaan Inggeris di England memerintahkan agar James Brooke mengambil alih Pulau Labuan.

Pada tahun 1846, suatu perjanjian telah dibuat antara Sultan Brunei dengan Inggeris bagi menyerahkan Pulau Labuan kepada Inggeris. Pada tahun 1848, Pulau Labuan dijadikan jajahan takluk Inggeris sehingga tahun 1889.

Pada mulanya pentadbiran Pulau Labuan terasing daripada jajahan Inggeris yang lain. Pulau ini mempunyai gabenor dan pegawai-pegawai serta majlis mesyuaratnya sendiri.

Walau bagaimanapun, oleh sebab kedudukan kewangannya lemah, mulai 1 Januari 1890, pentadbiran Pulau Labuan terpaksa diserahkan kepada Syarikat British Borneo Utara.

Pada 1 Januari 1907, pulau ini dijadikan sebahagian daripada

Negeri-negeri Selat dan di bawah pentadbiran Singapura. Pada tahun 1912, diubah lagi menjadi sebahagian daripada Negeri-negeri Selat yang terasing seperti Pulau Pinang, Melaka dan Singapura yang diketuai oleh seorang residen.

Pada 3 Januari 1942, Jepun menawan Pulau Labuan. Jepun telah menukar nama pulau ini kepada 'Pulau Maida' dan didirikan sebuah batu peringatan bagi mengenang nama itu.

Dalam bulan Januari 1945, pihak Berikat telah menggugurkan bom di Sabah. Pada bulan Jun 1945, pasukan perang Australia yang ke-19 telah mendarat dan menawan Pulau Labuan dari Jepun.

Selepas Jepun kalah, negeri Sabah ditadbirkan oleh Pentadbiran Tentera British (MBA). Pada 15 Julai 1946, pihak MBA menyerahkan negeri Sabah kepada pemerintahan awam. Mulai saat itu, negeri Sabah dijadikan jajahan kemahkotaan Inggeris iaitu 'Crown Colony' dan Pulau Labuan dijadikan sebahagian daripada koloni itu.

Pada 16 September 1963, bersama-sama Sabah, Pulau Labuan menjadi sebahagian daripada negara Malaysia. Manakala pada 16 April 1984, Pulau Labuan telah dijadikan Wilayah Persekutuan yang kedua selepas Kuala Lumpur.

Pada 1 Oktober 1990 pula, Pulau Labuan diisytiharkan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC).



TUGU PERINGATAN PERANG, LABUAN

Pulau Labuan memang kaya dengan unsur-unsur sejarah. Menurut catatan sejarah, Labuan asalnya adalah sebahagian daripada wilayah Sultan Brunei. Kedatangan penjajah British telah menyebabkan beberapa kali pulau ini bertukar tangan.

Pada zaman penjajahan Barat, Labuan adalah sebahagian daripada Negeri-negeri Selat yang berpusat di Singapura. Ketika itu, Borneo Utara diserahkan kepada Baron de Overbeck dan Alfred Dent.

Di Pulau Labuan, terdapat Tugu Peringatan Perang. Tugu ini adalah sebagai tanda kenangan sejarah masa lampau yang pernah dialami oleh Labuan.

Menurut Batu Peringatan Perang yang didirikan di pulau itu, Labuan telah diambil alih kuasa pada 24 Disember 1846 oleh Kapten G. Rodney Mundy atas nama Queen Victoria. Ini ialah 30 tahun sebelum Baron de Overbeck dan Alfred Dent memperolehi penyerahan kuasa ke atas Borneo Utara.

Walau bagaimanapun, Labuan telah ditadbirkan sebagai

sebahagian daripada wilayah bagi Borneo Utara dari tahun 1889 hingga 1906 dengan Raja Brooke (Raja Sarawak) sebagai gabenornya.

Di suatu kawasan bernama Layang-Layangan terletak *Surrender Point*. Di Surrender Point inilah berlakunya pendaratan tentera Briged ke-24 dari Division ke-9 Angkatan Tentera Diraja Australia untuk membebaskan pulau itu dari tangan Jepun.

Pertempuran hebat berlaku di situ. Tentera Australia dari Division 9 menyerang kedudukan Jepun di Labuan menerusi pertempuran di laut sebelum melakukan pendaratan mereka yang bersejarah pada 9 Jun 1945. Pasukan Australia itu diketuai oleh mejer Jeneral G.F. Wooten.

Pada zaman pendudukan Jepun, Pulau Labuan disebut dengan nama 'Maida'. Ini adalah kerana mengambil sempena nama Panglima Perang Tertinggi Tentera Jepun di Sabah ketika itu bernama Marquess Maida.

Apabila Jepun kalah, Leftenan Jeneral Masao Baba menandatangani surat penyerahan kalah tentera Jepun di Surrender Point ini pada 10 September 1945.



TAMAN DAMAI LABUAN

Di suatu kawasan bernama Layang-Layangan terletak Taman Damai Labuan yang dahulunya dikenali sebagai Surrender Point.

Di Taman Damai Labuan inilah berlakunya pendaratan tentera Briged ke-24 dari Division ke-9 Angkatan Tentera Diraja Australia untuk membebaskan pulau itu dari tangan Jepun.

Pertempuran hebat berlaku di situ. Tentera Australia dari Division 9 menyerang kedudukan Jepun di Labuan menerusi pertempuran di laut sebelum melakukan pendaratan mereka yang bersejarah pada 9 Jun 1945. Pasukan Australia itu diketuai oleh Mejer Jeneral G.F. Wooten.

Pada zaman pendudukan Jepun, Pulau Labuan disebut dengan nama 'Maida'. Ini adalah mengambil sempena nama Panglima Perang Tertinggi Tentera Jepun di Sabah ketika itu bernama Marquess Maida.

Apabila Jepun kalah, Leftenan Jeneral Masao Baba menandatangani surat penyerahan kalah tentera Jepun di Surrender Point ini pada 10 September 1945.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Perpustakaan Negara Malaysia

232, Jalan Tun Razak,
50572 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Telefon: 03-2943488/2943150/2943626/
2943234/2943048/2943509.
Fax: 03-2927082/2927899.

Waktu Perkhidmatan:

Selasa - Jumaat	10.00 pagi - 6.00 petang
Sabtu	9.00 pagi - 5.00 petang
Ahad	10.00 pagi - 5.00 petang.
Isnin dan Cuti Am Tutup.	

PENDAFTARAN KEAHLIAN

Keperluan untuk menjadi ahli perpustakaan:

- Salinan kad pengenalan atau sijil kelahiran.
- Satu keping gambar terbaru (saiz kad pengenalan).
- Pengesahan alamat terkini.
- Salinan kad pelajar (kad metrik).

Perpustakaan Negara Malaysia

PENGENALAN

Nadi sesebuah negara terletak kepada teras pendidikan rakyatnya di mana acuan dan falsafah pendidikannya menyediakan kemudahan untuk mencari dan mendapatkan ilmu. Bagi memenuhi keperluan ini, Perpustakaan Negara Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1966. Ketika itu, Perpustakaan Negara Malaysia hanyalah sebuah unit di bawah Arkib Negara yang berperanan kecil untuk melaksanakan Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1966 dan penerbitan Bibliografi Negara Malaysia.

Enam tahun kemudian, dalam tahun 1972, peranan Perpustakaan Negara Malaysia menjadi lebih kukuh dengan kelulusan *Akta Perpustakaan Negara 1972*. Buat pertama kalinya, Bahagian Rujukan telah memulakan perkhidmatannya pada orang awam pada tahun yang sama.

Beberapa peristiwa penting menyusuli pada tahun-tahun berikutnya yang mempercepatkan perkembangan Perpustakaan Negara Malaysia. **Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1996** telah dimansuh dan digantikan dengan **Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986**. Akta ini menghendaki semua penerbit di Malaysia menghantar 5 naskhah bahan bercetak dan 2 naskhah bahan tidak bercetak kepada Perpustakaan Negara Malaysia. Akta ini juga menamakan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Negara bagi terbitan keluaran negara. Ini bagi memastikan bahan yang diterbitkan terdapat dalam rekod perolehan dan bahan tersebut boleh dirujuk pada masa kini dan akan datang.

Pada tahun 1987, **Akta Perpustakaan Negara Malaysia (Pindaan)** 1987 telah diluluskan yang mencatit peranan Perpustakaan Negara Malaysia dengan lebih luas selaras dengan perkembangan perkhidmatan perpustakaan di seluruh negara.

Pada tahun 1992, Perpustakaan Negara Malaysia telah menjalankan perkhidmatannya kepada orang ramai di bangunan sendiri di Jalan Tun Razak.

Kini, Perpustakaan Negara Malaysia dengan berbekalkan keazaman ingin bersama dan sejalan dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju pada masa hadapan. Dengan fungsi dan perkhidmatannya yang pelbagai, disokong oleh kelengkapan teknologi canggih dan

kakitangan yang berkelayakan serta mempunyai komitmen yang tinggi terhadap kecemerlangan, maka Perpustakaan Negara Malaysia sudah cukup bersedia untuk memimpin negara dalam mengejar ilmu.

FALSAFAH

Membina insan berbudaya maju untuk cintakan ilmu pengetahuan melalui pembacaan sepanjang hayat demi memupuk kecemerlangan minda bangsa Malaysia supaya terhasil penciptaan baru yang dapat terus memperkayakan tradisi ilmu di negara ini.

WAWASAN

Wawasan Perpustakaan Negara Malaysia adalah untuk menjadikan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai perpustakaan bertaraf dunia dalam memberi maklumat yang cemerlang bagi merealisasikan Wawasan 2020 ke arah negara perindustrian yang maju.

MISI

Misi Perpustakaan Negara Malaysia adalah untuk memastikan semua rakyat Malaysia tanpa mengira status dan tempat dapat menikmati kemudahan perkhidmatan perpustakaan secara saksama serta berupaya mencapai dan menggunakan ilmu warisan intelek Malaysia dan sejagat melalui prasarana ilmu perpustakaan elektronik yang bersepadu di seluruh negara.

PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Rujukan Malaysiana

Perpustakaan Negara Malaysia memainkan peranan sebagai Pusat Kecemerlangan Maklumat Malaysiana. Bagi mencapai matlamat tersebut Bahagian Rujukan Malaysiana bersedia memberi perkhidmatan rujukan, perujukan dan maklumat mengenai Malaysia kepada para penyelidik dan orang awam. Perkhidmatan ini diberi melalui berbagai cara sama ada melalui perkhidmatan menjawab pertanyaan rujukan, penyediaan koleksi, pencapaian maklumat dari berbagai pangkalan data, penyediaan panduan maklumat dan bibliografi. Perkhidmatan Pembekalan Penerbitan termasuk pinjaman antara perpustakaan turut disediakan.

Manuskrip Melayu

Pusat Manuskrip Melayu memainkan peranan dalam menyediakan perkhidmatan rujukan kepada penyelidik dan pengguna perpustakaan untuk tujuan penyelidikan warisan ilmu yang terakam dalam manuskrip Melayu.

Rujukan Umum

Perkhidmatan Rujukan Umum berfungsi sebagai Pusat Perujukan Kebangsaan bagi sumber maklumat dari terbitan luar negara. Perkhidmatan ini berusaha untuk mencapai pelbagai sumber maklumat global untuk kegunaan para penyelidik perpustakaan. Perkhidmatan Rujukan Umum menyediakan berbagai bahan rujukan seperti Koleksi Rujukan Umum dan Koleksi Bangsa-Bangsa Bersatu serta menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti Perkhidmatan Maklumat Dalam Talian dan CD-ROM, Perkhidmatan Penasihat Pembaca, Perkhidmatan Pendidikan Pengguna, dan perkhidmatan untuk pengguna cacat penglihatan.

Terbitan Bersiri

Bahagian Terbitan Bersiri menjalankan tiga aktiviti seperti berikut: Pembinaan koleksi Terbitan Bersiri melalui langganan terbitan bersiri dalam dan luar negara, pendokumentasian terbitan bersiri termasuk pengkatalogan dan pengelasan semua terbitan bersiri Malaysiana dan Umum serta menerbit **Indeks Majalah Malaysia** dan **Indeks Surat Khabar Malaysia** dan Perkhidmatan rujukan dan perujukan berkaitan sumber-sumber terbitan bersiri.

Perkhidmatan Terbitan Bersiri bertanggungjawab mewujudkan dan mengemaskini 3 pangkalan data iaitu pangkalan data MENTARI yang mengandungi butiran sumber maklumat artikel dari pelbagai majalah terpenting keluaran dalam negara, Pangkalan data SURIA yang mengandungi artikel-artikel penting dari surat khabar Utusan Malaysia, Berita Harian, New Straits Times dan The Stars. Selain daripada itu, pangkalan data MATAHARI yang mengandungi artikel majalah luar negara mengenai Malaysia juga telah dibentuk.

Sumber Media

Perkhidmatan Sumber Media menyediakan pelbagai bahan sumber media seperti video, kaset, cakera laser dan cakera padat untuk para penyelidik. Perkhidmatan yang disediakan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada individu dan kumpulan. Selain daripada itu, Katalog Induk CD-ROM yang mengandungi senarai CD-ROM yang terdapat di perpustakaan institusi seluruh negara telah diterbitkan dan juga boleh diakses melalui JARINGAN ILMU.

Gerakan Membaca

Perkhidmatan Gerakan Membaca berperanan dan menyokong usaha kerajaan dengan memupuk masyarakat berbudaya ilmu dan membaca bagi merealisasikan Wawasan 2020. Untuk mencapai hasrat murni ini, berbagai perkhidmatan dan kemudahan disediakan kepada pengunjung perpustakaan. Antara aktiviti penting untuk menggalakkan pembacaan adalah dengan menyediakan perkhidmatan pinjaman terus kepada individu, perkhidmatan pos dan kelompok. Untuk memudahkan pinjaman, setiap pengguna perpustakaan disyaratkan mendaftar sebagai ahli. Jumlah ahli berdaftar dengan Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 1996 adalah seramai 171,148 orang.

Perkhidmatan Gerakan Membaca mengatur pelbagai aktiviti menarik yang dapat menarik minat orang ramai mengunjungi perpustakaan seperti sesi ceramah, bercerita, kraf tangan dan sebagainya. Kebanyakan aktiviti ini berkaitan dengan pembacaan untuk menarik minat membaca terutama di kalangan kanak-kanak dan golongan belia. Melalui perkhidmatan hipermedia kanak-kanak dipupuk untuk berkreatif dengan pembelajaran komputer.

Perkhidmatan Pemuliharaan dan Reprografi

Perkhidmatan Pemuliharaan dan Reprografi merupakan satu aktiviti penting dalam usaha memelihara sumber perpustakaan untuk memastikan warisan intelek terakam dipelihara untuk kegunaan masa kini dan masa hadapan. Aktiviti pemuliharaan merangkumi pelbagai kerja penjilidan dan pemberikulih sumber perpustakaan seperti buku, kertas kerja seminar dan terbitan bersiri seperti majalah dan surat khabar, pengawetan manuskrip

asal dan buku nadir. Perkhidmatan Reprografi memelihara terbitan khususnya buku nadir, surat khabar dan jurnal Malaysiana terpilih untuk ditukarkan ke dalam format mikrofilem.

Perkhidmatan Perundingan dan Khidmat Nasihat

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab menyedia serta menyelaras khidmat perundingan dan nasihat kepada institusi Kerajaan dan bukan Kerajaan dalam aspek penubuhan perpustakaan/pusat sumber yang baru, selain dari meningkatkan taraf perpustakaan dan perkhidmatan bagi perpustakaan dan pusat sumber yang sedia ada.

Perkhidmatan Penyelidikan Perpustakaan

Bahagian Penyelidikan Perpustakaan menjalankan dan menyelaras pelbagai penyelidikan bagi menyokong proses Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) berkaitan dengan perkembangan perpustakaan dalam negara. Di antara fungsi bahagian ialah menyelaras penyelidikan yang berkaitan dengan perpustakaan dan perkhidmatan maklumat, kajian minat membaca, bidang keperpustakawan, penyediaan standard perpustakaan, penerbitan *Laporan Tahunan Jabatan*, direktori dan pengumpulan maklumat dan statistik berkaitan dengan perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di seluruh negara.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

BINAR

Binar adalah pangkalan data koleksi Perpustakaan Negara Malaysia yang mengandungi 216,527 rekod bibliografi koleksi perpustakaan.

MENTARI

MENTARI merupakan pangkalan data Indeks Majalah Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia yang mengandungi 60,331 rekod indeks artikel dari majalah terpilih terbitan negara.

SURIA

SURIA merupakan pangkalan data Indeks Surat Khabar Malaysia Perpustakaan Negara Malaysia yang mengandungi 136,768 rekod butiran indeks artikel surat khabar Utusan Malaysia dan The Star.

PANCARAN

PANCARAN merupakan pangkalan data indeks persidangan Malaysia Perpustakaan Negara Malaysia yang mengandungi 9,448 rekod indeks kertas kerja persidangan dan seminar yang diadakan di Malaysia.

MATAHARI

MATAHARI merupakan pangkalan data indeks artikel majalah luar negara mengenai Malaysia mengandungi 2,836 rekod.

JARINGAN ILMU

Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama MIMOS sedang menuju ke era perpustakaan elektronik telah membentuk JARINGAN ILMU iaitu rangkaian perpustakaan elektronik di Malaysia. JARINGAN ILMU boleh diakses melalui Internet dan 'home page' bagi Perpustakaan Negara Malaysia ialah <http://www.pnm.my>.

NSTP Online

Perkhidmatan NSTP Online adalah pangkalan data akhbar harian, mingguan dan majalah terbitan New Straits Times. Maklumat mengenai profil syarikat, personaliti ahli politik dan koporat, berita negeri di Malaysia dan maklumat lengkap artikel-artikel dari Malaysian Business and Investors Digest serta berita dunia juga boleh diperolehi dari pangkalan data ini.

BERNAMA Equities

Pangkalan data ini menyediakan '*realtime stock market*' dan '*index monitoring*' bagi syarikat-syarikat yang disenaraikan dan berurusniaga di Bursa Saham Kuala Lumpur.

BERNAMA EXTEL

Pangkalan data ini memberi maklumat pelaburan dan sekuriti antarabangsa. Perkhidmatan ini mengandungi pangkalan data '*Equity and Company Research*' yang memberi maklumat penting dari segi istilah, analisa teknikal dan data-data kewangan.

SIRIMLINK

SIRIMLINK ialah perkhidmatan pangkalan data dalam talian yang disediakan oleh SIRIM. Maklumat yang dapat diakses termasuklah standard, paten dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan perusahaan. Pangkalan data yang disediakan adalah SIRIMTEC (*Sirim R&D Finding*), MAST (*Malaysian S&T Expert*), PATENTS (*Malaysian Patents*), ABSTRACT (*S&P Information*), dan Malaysian Standards (STANDARD).

NEWSLINK II

Perkhidmatan ini disediakan oleh BERNAMA yang mana merupakan pangkalan data '*NEWSWIRE*' dari dalam dan luar negeri. Pangkalan data ini mengandungi berita semasa dalam pelbagai isu global.

PALMOILIS

Pangkalan data maklumat mengenai minyak kelapa sawit yang disediakan oleh Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM). Pangkalan data di dalam PALMOILIS termasuklah *PALMSEARCH*, *PALMCOOK* dan *PALMCONSULT*.

DIALOG Information Service (USA)

Perkhidmatan pangkalan data DIALOG meliputi sains dan teknologi, ekonomi, perdagangan dan pengurusan serta pendidikan dan sains kemasyarakatan. Maklumat boleh diperolehi dalam bentuk bibliografi, abstrak dan teks penuh.

KIWINET (New Zealand)

Perkhidmatan ini disediakan oleh Perpustakaan Negara New Zealand yang merangkumi maklumat dalam talian di dalam bidang undang-undang, sains

pendidikan, berita semasa New Zealand, perundangan dan politik.

Reuters

Perkhidmatan ini disediakan oleh Reuters Limited mengandungi maklumat berita semasa dunia dalam pelbagai isu global. Maklumat ini merupakan artikel dari surat khabar terpilih dari seluruh dunia.

Business Periodicals Ondisc (BPO)

Perkhidmatan ini mengandungi pangkalan data dalam CD-ROM yang mengandungi abstrak dan indeks artikel majalah berkaitan dengan bidang pengurusan, perniagaan, perdagangan dan pemasaran.

General Periodicals Ondisc (GPO)

Perkhidmatan ini mengandungi pangkalan data dalam CD-ROM yang mengandungi abstrak dan indeks artikel majalah dalam bidang sains sosial, sains kemasyarakatan, perniagaan, sains am dan umum.

CD-NET

Perpustakaan Negara Malaysia menyediakan perkhidmatan mengakses pelbagai pangkalan data daripada CD-ROM melalui rangkaian CD-ROM (CD-NET). Sejumlah 56 judul CD-ROM telah ditempatkan di CD-NET untuk diakses pengguna perpustakaan.

Pusat Sumber Hipermedia

Bertempat di Unit Kanak-Kanak, Aras Bawah, Blok Barat, pusat sumber ini menyediakan gabungan peralatan komputer, video dan audio untuk pembelajaran kanak-kanak berusia di bawah 12 tahun. Perkhidmatan yang disediakan adalah merupakan Sudut Bercerita, Sudut Rakaman Kreatif, Sudut Sains, Sudut Seni dan Sudut Muzik.

PEMBANGUNAN KOLEKSI

Perpustakaan Negara Malaysia membina koleksi perpustakaan melalui penerimaan di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986, pembelian, hadiah dan pertukaran. Perpustakaan Negara Malaysia terlibat dalam pelbagai program hadiah dan pertukaran di peringkat serantau dan antarabangsa.

**Jumlah Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia
Sehingga Disember 1996**

Bahan Bercetak

Monograf	1,187,138	Naskhah
Terbitan Bersiri	22,766	Judul
Poster	2,785	Keping
Peta	3,342	Unit
Bahan Bercetak Lain	48,906	Unit
Jumlah kecil	1,264,937	Unit
Manuskrip Melayu Asal	2,211	Unit

Bahan Bukan Bercetak**Mikrofilem**

<i>Manuskrip</i>	1,749	gulung
<i>Pelbagai Sumber Rujukan</i>	8,122	gulung
Mikrofis	38,051	keping
Foto	693	keping
Kaset	8,392	keping
Slaid	657	set
Filem Jalur	313	gulung
Filem	618	gulung
Piring Hitam	100	keping
Video	4,274	unit
Multimedia kit	766	set
Cakera Padat	915	unit
Cakera Laser	163	unit
CD-ROM	628	unit
Bahan Bukan Bercetak Lain	2,040	unit
Jumlah kecil	67,481	unit
Jumlah Besar	1,334,629	unit

Perkhidmatan Pendokumentasian

Perpustakaan Negara Malaysia mengkatalog dan mengelas semua terbitan yang diterima dan mengindeks kertas kerja persidangan, artikel di dalam jurnal dan akhbar tempatan serta menyusun pelbagai bibliografi, katalog manuskrip dan sumber maklumat mengenai Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia juga menjadi pusat bagi penyediaan data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan.

Bahan-bahan perpustakaan meliputi semua bidang perkara dikelaskan mengikut Sistem Pengkelasan Dewey Decimal dan tajuk perkara mengikut Library of Congress Subject Heading. Secara ringkasnya pengkelasan perkara adalah seperti berikut:-

000 Karya Am	500 Sains Jati
100 Falsafah	600 Teknologi/Sains Guna
200 Agama	700 Kesenian
300 Sains Sosial	800 Kesusteraan
400 Bahasa	900 Geografi dan Sejarah

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Pentadbiran

Perpustakaan Negara Malaysia berfungsi sebagai urusetia bagi skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan dan bertanggungjawab bagi perlantikan, penempatan, penukaran, pengesahan, kenaikan pangkat, latihan dan pembangunan profesional untuk semua peringkat personel.

Pembangunan Sumber Manusia

Perpustakaan Negara Malaysia menyediakan pelbagai latihan dalam perkhidmatan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawaiannya. Di samping itu Perpustakaan Negara Malaysia juga memberi latihan dalam bidang kepustakawan kepada Pembantu Perpustakaan dan Pustakawan dari negara sedang membangun di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Perhubungan Awam

Perhubungan Awam Perpustakaan Negara Malaysia merancang dan menyelaras lawatan, pameran, publisiti dan kempen promosi dalam memperkenalkan perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia.

PUSTAKA PERINGATAN KUALA LUMPUR



Pustaka Peringatan Kuala Lumpur

No. 92, Jalan Raja,
50050 Kuala Lumpur.

Tel: 03 - 2932908

03 - 2926204

Fax: 03 - 2937313

E-Mail: klweb@kl.lib.edu.my

Waktu Perkhidmatan:

Selasa - Sabtu: 9.30 pagi - 5.00 petang

Ahad: 9.30 pagi - 1.00 petang

Ismi/Cuti Am: Tutup

PERPUSTAKAAN AWAM KUALA LUMPUR

Pendahuluan

Bahagian Perpustakaan, Jabatan Pengurusan Organisasi telah diwujudkan pada 1 Januari 1996 sebagai satu bahagian dalam Jabatan Pengurusan Organisasi Awam yang diusahakan oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur.

Rangkaian Perpustakaan Awam yang ada sekarang ini ialah:-

- A. Pustaka Peringatan Kuala Lumpur
- B. Pustaka Bimbingan Kanak-kanak Taman Tun Dr. Ismail
- C. Perpustakaan Cawangan Bandar Baru Sentul
- D. Perpustakaan Cawangan Bandar Tun Razak
- E. Perpustakaan Cawangan Plaza Phoenix
- F. Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak
 - i. Sekolah Kebangsaan Datuk Keramat 1 & 2
 - ii. Sekolah Kebangsaan Sungai Pencala
 - iii. Sekolah Kebangsaan Sri Setia
 - iv. Rumah Pangsa Sri Selangor
 - v. Sekolah Kebangsaan 1 & 2, Batu 4 Jalan Ipoh
 - vi. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan La Salle Jinjang 1 & 2
 - vii. Sekolah Kebangsaan Kampung Batu, Jalan Ipoh
 - viii. Kampung Benteng, Segambut

PUSTAKA PERINGATAN KUALA LUMPUR

Pendahuluan

Pada umumnya Pustaka Peringatan Kuala Lumpur merupakan sebuah Perpustakaan Awam khusus untuk warga kota atau mereka yang tinggal di sekitar Kuala Lumpur. Ia memberikan perkhidmatan pinjaman dan rujukan untuk ahli-ahli di samping mengadakan aktiviti-aktiviti sampingan.

Pustaka Peringatan Kuala Lumpur telah dibuka pada April 1987 bertempat di bangunan bertentangan dengan Dataran Merdeka. Bangunan tersebut dibeli daripada Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) untuk

dijadikan Perpustakaan Awam bagi Kuala Lumpur di samping memamerkan barang atau artifak yang berkaitan dengan warisan Kuala Lumpur dan terbuka kepada pelancong, pelajar dan penyelidik.

Pustaka Peringatan telah ditadbirkan oleh sebuah badan Persatuan iaitu Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur sejak dari 31 Mac 1989 hingga 31 Disember 1995 dan mendapat peruntukan sebanyak 1.5 juta setahun dari Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur. Pustaka kini mempunyai seramai 18,000 keahlian yang terdiri daripada Ahli Muda dan Ahli Dewasa.

Perkhidmatan Pustaka Peringatan Kuala Lumpur

Mulai Januari 1996, Pustaka Peringatan Kuala Lumpur telah diambilalih oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dan menjadi satu unit dalam Bahagian Perpustakaan di bawah Jabatan Pengurusan Organisasi. Sebagai sebuah Perpustakaan Awam, Pustaka Peringatan Kuala Lumpur telah mengumpulkan bahan-bahan untuk koleksi perkhidmatan rujukan yang berkaitan dengan ekonomi, kewangan, perdagangan dan perindustrian selaras dengan peranan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran. Pustaka juga menyediakan perkhidmatan internet dan multimedia kepada ahli-ahlinya jua perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut:

- a) Bahan-bahan Arkib dan Manuskrip
- b) Kertas-kertas persidangan, kursus dan seminar
- c) Tesis/Latihan Ilmiah
- d) Keratan Akhbar
- e) Bahan Bergambar
- f) Peta
- g) Bahan audio visual
- h) Laporan-laporan Jabatan Kerajaan/Berkanun dan Swasta
- i) Koleksi Datuk Bandar
- j) Warta kerajaan

Aktiviti-aktiviti di Pustaka Peringatan Kuala Lumpur

Sepanjang penubuhannya, Pustaka telah menjalankan pelbagai aktiviti khususnya untuk warga kota dan lazimnya aktiviti-aktiviti seperti ini adalah bagi mendorong para remaja menanamkan minat membaca dan salah satu caranya ialah dengan mengunjungi perpustakaan. Di antara aktiviti-aktiviti yang diadakan adalah seperti:-

- i) Bengkel Kemahiran Belajar
- ii) Pertandingan Catur
- iii) Pertandingan Bercerita
- iv) Pertunjukan Boneka
- v) Tayangan video
- vi) Pertandingan Melukis
- vii) Pertandingan Bahas dan menulis Esei
- viii) Sesi Bercerita
- ix) Kelas Melukis

Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di Pustaka Peringatan Kuala Lumpur meliputi perkara-perkara seperti berikut:-

- a) Perkhidmatan pinjaman Dewasa/Kanak-kanak
- b) Rujukan Am
- c) Rujukan ekonomi/Kuala Lumpur
- d) Pusat penyelidikan Kuala Lumpur
- e) Pameran Kuala Lumpur - Pameran semasa dan sejarah
- f) Pusat sumber media
- g) Perkhidmatan Internet dan Multimedia
- h) Perkhidmatan Sumber Media

Koleksi Pustaka Peringatan Kuala Lumpur

Pustaka Peringatan Kuala Lumpur mempunyai kira-kira 160.000 naskhah buku dan melanggar kira-kira 100 judul majalah dan akhbar terbitan tempatan, dan luar negara. Di antara koleksi yang terdapat di Pustaka Peringatan Kuala Lumpur adalah seperti berikut:-

- a) Buku-Buku Am (Dewasa dan Kanak-kanak)
- b) Buku-buku rujukan
- c) CD/Multimedia/LCD

- d) Video/Kaset/VCD
- e) Majalah
- f) Akhbar

Sementara bahan-bahan yang terdapat di KLRC terdiri daripada:-

- a) Buku-buku mengenai Kuala Lumpur
- b) Terbitan Berkala

Pustaka Peringatan Kuala Lumpur juga sentiasa mengadakan aktiviti yang berunsur sejarah seperti mengadakan Minggu Warisan Kuala Lumpur setiap tahun dan pameran khas dari masa ke semasa mengenai isu terkini yang boleh menarik minat warga kota dan para pengunjung terutama kanak-kanak sekolah.

Pengkomputeran Perpustakaan

Pustaka Peringatan Kuala Lumpur telah memulakan sistem projek pengkomputeran pada tahun 1991. Melalui sistem pengkomputeran, segala fungsi-fungsi perpustakaan telah berjalan dengan lebih efisyen, pantas dan lebih konsisten. Pihak Pustaka juga sedang berusaha meningkatkan sistem pengkomputeran perpustakaan untuk menampung keperluan di masa depan.

Alamat Perpustakaan Cawangan

1. Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak
Lorong Burhanuddin Helmi 8,
Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur.
Tel: 03 - 7186341
Faks: 03 - 7197594
2. Perpustakaan Cawangan Bandar
Tun Razak
Blok 88, Rumah Pangsa Sri Kota,
56000 Bandar Tun Razak,
Kuala Lumpur.
Tel: 03 - 9710564
3. Perpustakaan Cawangan Bandar
Baru Sentul
Blok 63, Rumah Pangsa Negeri
Sembilan,
Bandar Baru Sentul,
51000 Kuala Lumpur.
Tel: 03 - 4416064
4. Perpustakaan Kanak-Kanak Cawangan
Plaza Phoenix
Tingkat 4, Plaza Phoenix,
Km 10, Jalan Cheras,
56000, Kuala Lumpur.
5. Perpustakaan Cawangan PPR Jelatek
Rumah Pangsa PPR,
54200 Jalan Jelatek,
Kuala Lumpur.

Perpustakaan Cawangan



Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak,
Lorong Burhanuddin Helmi 8.

Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-7186341
Fax: 03-7197594

Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak

Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak merupakan sebuah perpustakaan kanak-kanak yang pertama di Malaysia yang telah diusahakan oleh Y.Bhg. Toh Puan Suhailah bt. Mohd. Noah iaitu isteri kepada bekas Perdana Menteri Malaysia yang ketiga iaitu Allahyarham Tun Dr. Hussein Onn. Ia telah dibuka pada tahun 1997 bertujuan untuk memberi perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan rekreasi kepada ahli-ahlinya iaitu kanak-kanak yang berumur di antara 4 - 10 tahun. Ketika itu, Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak terletak di Jalan Tun Razak dan merupakan ibu pejabat bagi Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak Cawangan Taman Tun Dr. Ismail dan perkhidmatan Pustaka Bergerak. Bagaimanapun, Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak Jalan Tun Razak kemudiannya telah berpindah ke Taman Tun Dr. Ismail sehingga ke hari ini.

Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak Taman Tun Dr. Ismail telah ditubuhkan pada tahun 1981 bertujuan untuk memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak yang tinggal di sekitar Taman Tun Dr. Ismail, Bandar Utama, Damansara Jaya, Damansara Utama, SS22 dari Sungai Pencala serta kawasan yang berhampiran dengan Taman Tun Dr. Ismail.

Koleksi Perpustakaan

Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak mempunyai koleksi buku kanak-kanak yang terdiri dari buku-buku fiksyen dan bukan fiksyen, rujukan dan bergambar. Sehingga kini, Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak mempunyai koleksi berjumlah 17,500 naskhah.

Di samping itu Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak juga menyediakan koleksi majalah seperti Bambino, Kuntum Dewan Pelajar dan Along. Majalah-majalah tersebut hanya untuk dibaca di perpustakaan sahaja dan tidak boleh dipinjam.

Aktiviti-aktiviti di Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak

Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak juga menyediakan beberapa program dan aktiviti-aktiviti dan rekreasi bagi membentuk minda yang sihat dan kreatif di kalangan kanak-kanak selain memupuk tabiat membaca di kalangan mereka. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti berikut:-

- a) Kraf tangan
- b) Kelas melukis
- c) Persembahan boneka
- d) Sambutan Maulidur Rasul
- e) Pertandingan melukis/mewarna

Perpustakaan Cawangan



Perpustakaan Bandar Tun Razak

Blok 88, Rumah Pangsa Sri Kota,
Bandar Tun Razak,
Kuala Lumpur.
Tel: 03-9710564



Perpustakaan Bandar Baru Sentul

Blok 63, Rumah Pangsa Negeri Sembilan.
Bandar Baru Sentul,
Kuala Lumpur.
Tel: 03-4416064

Perpustakaan Cawangan Bandar Tun Razak Dan Bandar Baru Sentul

Perpustakaan-perpustakaan ini merupakan salah satu perkhidmatan perpustakaan yang disediakan oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur khususnya untuk penduduk-penduduk Rumah Pangsa Sri Kota dan Rumah Pangsa Negeri Sembilan yang kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah.

Perkhidmatan dan aktiviti

Perkhidmatan yang disediakan di kedua-dua perpustakaan ini terdiri daripada pinjaman buku-buku dewasa, kanak-kanak dan juga perkhidmatan rujukan.

Selain daripada perkhidmatan pinjaman dan rujukan, perpustakaan ini turut menyediakan pelbagai program dan aktiviti-aktiviti untuk penduduk, Rumah Pangsa Sri Kota dan Rumah Pangsa Negeri Sembilan. Aktiviti-aktiviti yang sering diadakan adalah seperti berikut:-

- a)Pertandingan melukis dan mewarna.
- b)Persembahan boneka.
- c)Sambutan Maulidur Rasul.
- d)Bengkel Kemahiran Belajar untuk pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah.

Koleksi dan Keahlian

Koleksi yang disediakan di perpustakaan ini merangkumi buku-buku dewasa dan kanak-kanak, majalah-majalah dan juga akhbar-akhbar harian.

Perpustakaan Cawangan



**Perpustakaan Kanak-Kanak
Cawangan Plaza Phoenix,
Tingkat 4, Plaza Phoenix,
Km 10, Jalan Cheras,
56000, Kuala Lumpur.
Tel: 03-9118924**

Perpustakaan Cawangan Plaza Phoenix, Cheras

Perpustakaan Cawangan Plaza Phoenix, Cheras telah dibuka kepada orang ramai pada 27 November 1996. Namun begitu pengguna-pengguna hanya dibenarkan membaca dan membuat rujukan bahan-bahan perpustakaan. Perkhidmatan pinjaman kepada orang ramai telah dimulakan pada 9 Disember 1996. Kewujudan Perpustakaan Cawangan Plaza Phoenix adalah hasil kerjasama Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dengan pihak pengurusan Plaza Phoenix.

KEAHLIAN

Keahlian adalah terdiri daripada kanak-kanak yang berumur 4 tahun hingga 12 tahun. Kanak-kanak yang mendaftar menjadi ahli dikenakan bayaran seperti berikut:

KEAHLIAN	YURAN PENDAFTARAN	YURAN TAHUNAN
AHLI		
PERPUSTAKAAN	RM15.00	RM30.00
MULTIMEDIA (KANAK-KANAK DIWAJIB MENJADI AHLI PERPUSTAKAAN)	TIADA	RM30.00

Waktu Perkhidmatan:

Isnin-Jumaat	12.00 tengah hari - 9.30 malam
Sabtu	10.00 pagi - 9.30 malam
Ahad	12.00 tengah hari - 9.30 malam
MULTIMEDIA Tiap-tiap hari	7.30 malam - 9.30 malam

PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN PERKHIDMATANNYA

Pendahuluan

Perpustakaan Cawangan telah memulakan perkhidmatannya pada tahun 1996 di mana pada waktu itu Perpustakaan di Pustaka Peringatan Kuala Lumpur telah diambil alih oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur pada Januari 1996. Ia telah diwujudkan di Bahagian Perpustakaan di bawah pentadbiran Jabatan Pengurusan Organisasi Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur.

Pada masa ini Bahagian Perpustakaan mempunyai 4 buah Perpustakaan Cawangan yang terdiri daripada Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak (Taman Tun Dr. Ismail), Perpustakaan Cawangan di Rumah Pangsa Bandar Tun Razak, Perpustakaan Cawangan di Rumah Pangsa Bandar Baru Sentul dan Perpustakaan Cawangan Plaza Phoenix. Selain daripada itu, Bahagian Perpustakaan juga menyediakan perkhidmatan bas bergerak di beberapa buah kawasan di sekitar Kuala Lumpur.

OBJEKTIF DAN FUNGSI

Objektif utama penubuhan Perpustakaan Cawangan seumpama ini ialah:-

- i) Menampung kekurangan perkhidmatan Perpustakaan yang sedia ada di Wilayah Persekutuan. Ini akan dapat memberi kemudahan membaca bagi penduduk-penduduk di rumah pangsa dan taman-taman perumahan kos rendah/sederhana. Perkhidmatan ini perlu diperluaskan lagi sehingga menjangkau ke kawasan-kawasan terpencil.
- ii) Menanam minat membaca di kalangan penduduk di rumah-rumah pangsa khususnya kanak-kanak dan remaja.
- iii) Menyediakan ruang membaca dan bahan-bahan bacaan untuk kanak-kanak, remaja dan dewasa.
- iv) Menyediakan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan sesuai untuk ahli-ahli. Aktiviti yang diadakan ialah sesi mendengar cerita, melukis, sudut kerja tangan, nyanyian dan pertunjukan boneka untuk kanak-kanak khasnya. Manakala untuk golongan remaja dan dewasa, bengkel, ceramah dan pertandingan catur juga akan diadakan.
- v) Menyediakan tempat rekreasi yang mempunyai kemudahan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh pengguna-pengguna.

PERPUSTAKAAN BERGERAK

Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak merupakan satu lagi perkhidmatan yang disediakan oleh Bahagian Perpustakaan. Perkhidmatan Perpustakaan ini bertujuan untuk memberi kemudahan membaca kepada kanak-kanak yang tinggal jauh daripada Pustaka Peringatan Kuala Lumpur dan tidak mempunyai perpustakaan-perpustakaan kecil atau bilik bacaan seperti di kawasan-kawasan rumah pangsa, setinggan dan sekolah-sekolah di sekitar Wilayah Persekutuan.

Perpustakaan Bergerak kini mempunyai 2 buah bas bergerak dan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatannya di beberapa buah sekolah pada hari Isnin hingga Khamis, sementara di kawasan perumahan pula ialah pada hari Sabtu dan Ahad. Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak bagaimanapun tidak dijalankan pada hari Jumaat, hari kelepasan am dan cuti sekolah.

Koleksi dan Pinjaman

Koleksi di Perpustakaan Bergerak ini terdiri daripada buku-buku di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang terbahagi kepada koleksi bergambar, fiksyen dan bukan fiksyen. Bagi kanak-kanak yang telah mendaftar sebagai ahli, mereka boleh meminjam 2 buah buku bagi tempoh 2 minggu. Sekiranya buku-buku yang dipulangkan tersebut melanggar peraturan perpustakaan seperti koyak atau berconteng, kad keahlian mereka akan ditahan selama 1 bulan ataupun 3 bulan mengikut tahap kerosakan. Kehilangan buku pula, akan dikenakan bayaran ganti rugi mengikut harga buku tersebut.

Aktiviti

Selain dari menyediakan perkhidmatan pinjaman buku, Perpustakaan Bergerak juga mengadakan beberapa aktiviti sampingan dari masa ke semasa. Di antara aktiviti-aktiviti tersebut adalah:-

- a) Sesi bercerita dan menyanyi.
- b) Pertunjukan boneka.
- c) Pertandingan melukis dan mewarna.